

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI KHAMIS : 5 DISEMBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 8 HINGGA NO. 50)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED
@ HASHIM [KUALA TERENGGANU]
TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian mengenai pelaburan 6 GLIC utama (Khazanah, KWSP, KWAP, PNB, Lembaga Tabung Haji dan LTAT) yang memberi komitmen secara kolektif berjumlah RM120 bilion untuk tempoh 5 tahun akan datang di bawah program GEAR-uP.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program GEAR-uP berhasrat untuk memacu pertumbuhan ekosistem ekonomi baharu selain meningkatkan penyertaan GLIC dalam ikhtiar pembangunan negara. Program ini akan memanfaatkan kepakaran dan aset GLIC untuk memangkin pertumbuhan di sektor-sektor utama ekonomi khususnya industri yang memiliki pertumbuhan dan bernilai tinggi.
2. Enam syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) utama memberi komitmen secara kolektif untuk membuat pelaburan langsung domestik (DDI) sebanyak RM120 bilion dalam tempoh lima tahun akan datang. Bagi tahun 2025 seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2025, sebanyak RM25 bilion akan dilaburkan.
3. Pelaburan berfokus sektor ini juga adalah selaras dengan mandat khusus setiap GLIC, sambil mengekalkan komitmen terhadap inisiatif yang berdaya maju secara komersial. Semua keputusan pelaburan mematuhi rangka kerja tadbir urus yang ditetapkan serta diawasi oleh jawatankuasa dalaman dan Lembaga Pengarah, memastikan pendekatan yang berdisiplin dalam pasaran swasta dan awam.
4. Setiap GLIC terbabit mempunyai bidang tumpuan masing-masing dalam program GEAR-uP seperti Khazanah berkaitan usaha mengorak strategi pelaburan berpaksikan 'Negara Yang Mencipta' bagi meningkatkan produktiviti serta daya saing negara. Khazanah juga akan memastikan daya tahan ekosistem sektor semikonduktor, memupuk pertumbuhan syarikat-syarikat peringkat pertengahan dan melabur di ekosistem-ekosistem modal teroka. Ini termasuk pelancaran Jelawang Capital pada 28 Oktober 2024, sebuah dana nasional berstruktur fund-of-funds dengan peruntukan RM1 bilion untuk menyokong modal teroka.
5. KWAP akan memperkasa pasaran swasta Malaysia merentasi ekuiti swasta, prasarana dan hartanah dengan menumpukan pemberian

dana pemangkin untuk modal teroka serta firma peringkat pertumbuhan melalui program Dana Perintis yang bernilai sebanyak RM1 bilion dan Dana Pemacu yang bernilai sebanyak RM6 bilion, sepanjang tempoh program. KWAP juga akan melabur RM300 juta pada tahun 2025 untuk membangunkan pusat penjagaan warga emas di atas tanah waqaf.

6. PNB menumpukan usaha memodenkan industri-industri dan sektor korporat Malaysia dengan menggalakkan tumpuan kepada aktiviti-aktiviti bernilai tambah tinggi serta mampan, dengan tumpuan khusus kepada pelaburan dalam taman-taman perindustrian baharu, menyokong usaha automasi dan pertanian pintar. Bagi menyokong pembangunan perniagaan Bumiputera, pemusatan agensi pelaburan Bumiputera di bawah YPB membolehkan penyelarasan diantara institusi-institusi dalam usaha membangunkan syarikat-syarikat Bumiputera secara berterusan atau “relay race”. Umpamanya, Ekuinas berperanan membangunkan syarikat sederhana sehingga dapat disenaraikan di pasaran, seterusnya membuka peluang pelaburan untuk institusi seperti PNB.
7. KWSP pula akan memberi tumpuan kepada pemesatan masyarakat warga emas yang bermaruah serta makmur, dengan melibatkan pelaburan dalam penyelesaian kesihatan mampan dan berdaya maju menerusi kerjasama dengan kerajaan. Ini termasuk inisiatif rakan kongsi Rakan KKM bersama Kementerian Kesihatan, dengan peruntukan awal RM25 juta untuk meningkatkan kapasiti dan infrastruktur lima hospital KKM.
8. Lembaga Tabung Haji pula meluaskan peranan bank Islam, termasuk memperkasa impak sosial lestari melalui instrumen kewangan Islam bagi pengagihan bantuan secara lebih teratur kepada golongan miskin dan menguatkan sistem kewangan Islam melalui kerjasama strategik dengan institusi lain serta pemain industri kewangan Islam yang utama.

NO SOALAN : 8

9. LTAT pula akan meningkatkan daya cipta nilai industri farmaseutikal Malaysia dengan memperluas kapasiti dalam penghasilan produk biofarmaseutikal tempatan.

10. Sektor tumpuan GLIC ini adalah sejajar dengan mandat GLIC berkaitan agar pelaburan tersebut adalah berdaya maju. Semua keputusan pelaburan adalah tertakluk kepada kerangka tatakelola dan pemantauan oleh jawatankuasa dalaman serta Lembaga Pengarah untuk memastikan keputusan adalah sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI
[PEKAN]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI SH MOHMED PUZI BIN SH ALI [PEKAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan semasa kemajuan projek pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di setiap negeri yang terlibat dan sejauh manakah pelaksanaan projek ini mampu menarik pelaburan berskala besar yang mampu membangunkan ekonomi setempat dan nasional.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sepanjang 665km adalah projek infrastruktur rel yang akan menghubungkan empat buah negeri yang terletak di Pantai Timur dan di sebahagian Pantai Barat iaitu negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor.

2. Sehingga bulan Oktober 2024, status kemajuan bagi projek ini telah mencapai 74.43% secara keseluruhannya manakala status kemajuan berdasarkan pecahan mengikut negeri-negeri sepanjang jajaran ECRL adalah seperti berikut:

- (a) Kelantan – 84.02%;
- (b) Terengganu – 88.32%;
- (c) Pahang – 76.92%; dan
- (d) Selangor – 43.98%.

3. Seperti sedia maklum, projek ECRL merupakan projek infrastruktur mega yang bakal menjadi tulang belakang jaringan pengangkutan awam dan juga perkhidmatan kargo yang menghubungkan negeri-negeri utama di Pantai Timur dan juga Pantai Barat.

4. Pihak Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) dan pihak kontraktor utama China Communications Construction Company (CCCC) dengan kerjasama Malaysian Investment Development Authority (MIDA) sedang giat mempromosikan peluang pelaburan yang dijangka mampu memberi hasil pulangan yang tinggi setelah ECRL siap dan beroperasi.

5. Projek ECRL juga memberi fokus kepada kemudahan logistik bagi kawasan-kawasan industri utama sebagai contoh Kawasan Perindustrian Gebeng di daerah Kuantan yang berhampiran dengan Stesen ECRL Kuantan Port City (KPC), Kawasan Perindustrian Teluk Kalong dan Kawasan Perindustrian Kerteh di daerah Kemaman yang berhampiran di Stesen Chukai dan Stesen Kemasik.

6. Dengan kemudahan logistik yang telah disediakan oleh projek ECRL, ianya dijangka akan dapat menarik lebih ramai pelabur bernilai tinggi sebagai contoh pemeteraian memorandum persefahaman di antara MRL dengan PERODUA serta MRL dengan Kuantan Port pada 10 Jun 2024. Kerjasama ini turut menjadikan kawasan sekitar stesen ECRL Paya Besar, Kuantan sebagai hub pengeluar bagi produk PERODUA manakala Pelabuhan Kuantan dapat dimanfaatkan untuk menerima input pembuatan dari Jepun, Taiwan, dan Korea sebelum dihantar ke Bandar Serendah melalui perkhidmatan kargo ECRL.

7. Pada masa ini, fokus utama pihak MRL dan CCCC adalah untuk menyiapkan projek dalam jangka masa yang telah ditetapkan di mana tempoh penyiapan Projek ECRL Fasa 1 dari Kota Bharu, Kelantan sehingga ITT Gombak, Selangor seperti yang dijadualkan iaitu pada 31 Disember 2026 manakala tempoh siap Projek ECRL Fasa 2 dari Gombak ke Pelabuhan Klang, Selangor pada 31 Disember 2027.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI]
minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :

- (a) adakah Kementerian bercadang mewajibkan subjek Agama Islam di IPTA dan IPTS khususnya kepada mahasiswa Muslim; dan
- (b) bagaimana Kerajaan merancang untuk memantau pelaksanaan pengurangan jam pembelajaran subjek Agama Islam di universiti dan memastikan kualiti subjek ini tidak terjejas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

1. Di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) telah diperkenal agar ia lebih berstruktur dengan matlamat meningkatkan kualiti insan iaitu penghayatan falsafah, nilai dan sejarah; penguasaan kemahiran insaniah; perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia; dan kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum.
2. Struktur MPU ini melibatkan pelaksanaan di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan Sijil. Pelajar diwajibkan lulus dan melengkapkan kesemua kelompok ini sebagai syarat untuk menamatkan pengajian.

Tuan Yang di-Pertua,

(b)

3. Mengenai perancangan dan pemantauan kualiti subjek Pengajian Islam, KPT juga ada melaksanakan dua (2) kajian di IPT bagi memperkasa dan memantapkan penawaran program pengajian Islam iaitu:
 - i. Kajian Impak dan Hala Tuju Program Akademik Bidang Pengajian Islam 2021 – 2025, dan
 - ii. Kajian Semula Kurikulum Pengajian Peradaban Islam.
4. Kajian ini menjurus kepada usaha KPT ke arah meningkatkan kualiti graduan dan penawaran program Pengajian Islam di Institusi Pendidikan Tinggi. Di samping itu, pemantauan kualiti kursus Pengajian Islam secara berterusan ini dilaksanakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) melalui proses akreditasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]
TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha jangka panjang dalam memastikan ketersambungan integrasi nasional khususnya bagi rakyat Sabah-Sarawak ke Semenanjung Malaysia memandangkan kos perjalanan udara semakin meningkat dewasa kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, syarikat-syarikat penerbangan negara beroperasi secara keseluruhan sebanyak 645 penerbangan seminggu dari pelbagai destinasi di Semenanjung ke destinasi-destinasi di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Jumlah ini mewakili 87 peratus (740 penerbangan seminggu) daripada jumlah keseluruhan operasi penerbangan semasa tempoh sebelum wabak COVID-19.

2. Bagi memastikan ketersambungan integrasi nasional antara Sabah, Sarawak, dan Semenanjung Malaysia, terutama dalam menghadapi peningkatan kos perjalanan udara, beberapa usaha jangka panjang telah dipertimbangkan oleh Kerajaan dan pihak berkepentingan.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan pada tahun 2023 telah memperkenalkan inisiatif FLYsiswa iaitu bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar universiti awam, pelajar politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta pelajar matrikulasi dan institut pendidikan guru (IPG) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi laluan domestik di antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi mengurangkan beban kewangan mahasiswa yang ingin pulang ke kampung halaman. Pelaksanaan inisiatif ini telah diteruskan pada tahun 2024 untuk manfaat hampir 60,000 mahasiswa terutamanya di Sabah dan Sarawak.

4. Seterusnya, Kementerian Pengangkutan akan terus melaksanakan penambahbaikan bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan kelas ekonomi sehala pada harga maksimum RM499 bagi laluan-laluan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sempena musim perayaan utama bagi tahun 2024 dan 2025. Tempoh pelaksanaan inisiatif ini adalah 4 hari perjalanan sebelum tarikh sambutan perayaan-perayaan utama iaitu:

- (i) Krismas 2024;

- (ii) Tahun Baru Cina 2025;
- (iii) Hari Raya Aidilfitri 2025;
- (iv) Hari Kaamatan 2025;
- (v) Hari Gawai 2025; dan
- (vi) Krismas 2025.

5. Penetapan harga maksimum RM499 ini adalah penurunan harga ambang yang telah ditetapkan sebelum ini iaitu sebanyak RM599. Kerajaan akan membayar perbezaan harga antara harga asal tiket penerbangan dan harga maksimum tersebut. Tempoh pelaksanaan inisiatif ini juga akan dilanjutkan daripada 3 hari kepada 4 hari perjalanan sebelum tarikh sambutan perayaan-perayaan utama tersebut.

6. Penetapan harga tambang tetap RM499 ini akan dilaksanakan bermula **jam 0001 (0001 hours), 6 Disember 2024**. Orang ramai boleh membeli tiket melalui laman sesawang syarikat-syarikat penerbangan mulai tarikh tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

7. Kementerian Pengangkutan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan negara untuk memulakan/meningkatkan operasi penerbangan khususnya di laluan-laluan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, keputusan untuk meningkatkan kekerapan bagi laluan tersebut adalah keputusan komersial yang dibuat oleh syarikat penerbangan berasaskan kepada daya maju komersial (*commercial viability*) laluan.

8. Di samping itu, bagi menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan untuk menambah kekerapan penerbangan bagi laluan-laluan di antara Semenanjung, Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan, pihak Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) menerusi *Airlines Incentives Programme* menawarkan pelbagai insentif kepada syarikat-syarikat penerbangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN
[SIK]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tahap kesediaan infrastruktur, jumlah guru dan tahap kepadatan murid dalam kelas bagi menjadikan semua sekolah di seluruh negara mempunyai sistem satu sesi seperti yang diumumkan oleh Menteri KPM pada Mei 2024 yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di seluruh negara.

Berdasarkan data KPM sehingga 7 Oktober 2024, terdapat sebanyak 10,235 buah sekolah yang sedang beroperasi. Daripada jumlah tersebut, hanya 1,238 buah sekolah atau 12.1 peratus yang beroperasi secara dua sesi melibatkan 649 buah sekolah rendah dan 589 buah sekolah menengah. Pengoperasian sekolah dua sesi ini dilaksanakan kerana prasarana sekolah yang tidak dapat menampung pertambahan murid akibat pembinaan kawasan perumahan baharu dan permintaan yang tinggi oleh penduduk.

Sehingga 31 Oktober 2024, Jumlah perjawatan guru seluruh negara adalah 432,812 dan pengisian guru adalah seramai 417,881 orang. Kekosongan guru adalah seramai 14,931 dan peratus pengisian adalah 96.55%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu kepadatan sekolah adalah bersifat dinamik, iaitu bergantung kepada jumlah enrolmen murid yang dijana daripada populasi kesan daripada pembangunan sesebuah kawasan perumahan dan perkembangan kegiatan ekonomi setempat. Oleh itu, setiap penyelesaian dalam menangani kepadatan sekolah adalah berbeza dan perlu dilakukan berdasarkan isu di lokasi.

Sehubungan dengan itu, untuk mencapai hasrat satu sesi ini, KPM mengambil inisiatif melalui penyewaan, pembelian atau pembinaan kabin, penambahan bilik darjah (BD) dan pembinaan sekolah baharu. Penyewaan kabin sebagai alternatif tambahan BD adalah merupakan langkah jangka pendek yang diambil untuk mengatasi isu kepadatan murid. Walau bagaimanapun, penyewaan kabin adalah tertakluk kepada kesesuaian dan kesediaan ruang tapak sekolah. KPM telah mengambil langkah proaktif dengan mengemukakan dalam Inisiatif Belanjawan 2025 permohonan penyewaan kabin bagi sekolah padat yang telah dikenal pasti.

Selain itu, antara langkah jangka masa panjang yang diambil oleh pihak KPM bagi mengatasi masalah kepadatan adalah melalui penambahan BD di sekolah sedia ada serta pembinaan sekolah baharu berdasarkan keperluan dan kesesuaian tapak. Permohonan mengenai cadangan pembinaan BD tambahan dan pembinaan sekolah baharu dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun. Kelulusan dan pelaksanaan projek adalah tertakluk kepada agensi pusat, keutamaan serta kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Secara keseluruhan, pengoperasian sekolah satu sesi adalah menjadi matlamat KPM dan hasrat bersama untuk memastikan anak-anak mendapat pendidikan sempurna tanpa mengira kaum dan latar belakang budaya, tidak kira di bandar mahupun di pedalaman bagi memastikan tiada siapa yang tercicir. Pelbagai perancangan dan pelaksanaan intervensi terus dilaksanakan oleh pihak KPM secara konsisten bagi memastikan setiap sekolah mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk menampung sesi pembelajaran yang lebih efisien. Dengan perancangan yang teliti dan sokongan yang kukuh, sasaran untuk melaksanakan sistem satu sesi di semua sekolah dapat direalisasikan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN
RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR menyatakan berapa jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kementerian untuk menangani masalah Air Tidak Berhasil (NRW) di Sabah yang telah mencapai sehingga 60%.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan air di Negeri Sabah terletak di bawah Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) yang melaksanakan fungsi di bawah Enakmen Bekalan Air Sabah 2003. Dalam hubungan ini, perancangan dan pembangunan infrastruktur bekalan air di negeri tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah. Walau bagaimanapun, bagi membantu mengatasi isu bekalan air di negeri tersebut, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan pembangunan dalam bentuk pinjaman dan geran di bawah Rancangan-Rancangan Malaysia termasuk bagi mengurangkan Air Tidak Terhasil (NRW).

2. Terdapat tiga (3) projek yang telah diluluskan untuk negeri Sabah di bawah RMKe-12 bagi mengurangkan kadar Air Tidak Terhasil (Non-Revenue Water - NRW) dengan kos keseluruhan sebanyak RM87.2 Juta seperti berikut:

PAKEJ	SKOP	KOS (RM)
Pakej 1	Penggantian Meter SIV, Meter Pengguna dan Pemetaan GIS (Seluruh Sabah) Telah siap pada 9 Ogos 2023	31 juta
Pakej 2	Penggantian/ Pembaikan Tangki (Bhgn Keningau, Beaufort dan Ranau) Dijangka siap pada November 2024 (Dalam tempoh LAD)	31.3 juta
Pakej 3	Penggantian/ Pembaikan Tangki (Bhgn. Kota Kinabalu, Kota Belud, Kudat, Sandakan, Lahad Datu dan Tawau) Telah siap pada 22 Mac 2023	24.8 juta

3. Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) juga sedang melaksanakan Projek Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil (Penggantian/ Naik Taraf Paip di Kawasan Kota Kinabalu) dengan anggaran kos sebanyak RM219.4 juta. Justeru, jumlah peruntukan keseluruhan yang telah disediakan bagi menangani isu NRW di negeri Sabah pada RMKe-12 adalah berjumlah RM 306.6 juta.

4. Di bawah RMKe-11, Kementerian telah melaksanakan satu (1) projek rintis di Kota Marudu, Sabah dengan kos berjumlah RM 20.4 juta dan telah siap sepenuhnya pada tahun 2019. Projek rintis ini dilaksanakan bagi mendapatkan pengukuran NRW yang lebih tepat di kawasan Kota Marudu iaitu 76.6% NRW dicatatkan sebelum projek dan 58.9% selepas projek dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA
[POKOK SENA]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pelan tindakan bersepadu bagi mengekang perfileman yang mempromosi ideologi liberalisme-pluralisme yang bercangah dengan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Lembaga Penapis Filem (LPF), Kementerian Dalam Negeri (KDN) melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya berdasarkan kepada Akta Penapisan Filem 2002 [Akta 620] serta Garis Panduan Penapisan Filem (GPPF) 2024 yang telah menggariskan peraturan-peraturan yang jelas bagi memastikan sesebuah filem yang dihasilkan, disiarkan, dipamerkan, disebar, ditayangkan, diedarkan atau dipancarkan secara fizikal (konvensional) kepada masyarakat umum di Malaysia (kecuali melalui internet) tidak mengandungi kandungan dan elemen yang tidak sesuai atau menjejaskan keharmonian dan keselamatan masyarakat berdasarkan kepada tiga teras utama penapisan filem iaitu:

- (i) Keselamatan dan Ketenteraman Awam;
- (ii) **Keagamaan**; dan
- (iii) Moral dan Sosiobudaya.

KDN sentiasa menyokong kreativiti pembuat filem dan industri perfileman untuk menghasilkan filem yang dapat menghiburkan dan dalam masa yang sama turut mendidik masyarakat, menjana industri filem yang aktif serta mampu bersaing dengan filem-filem luar negara. Pengkarya filem amat digalakkan untuk berekspresi dengan **cara yang bertanggungjawab** di dalam setiap karya pembikinan mereka selagi mana ia **tidak bertentangan dengan mana-mana aspek-aspek utama yang telah digariskan dalam GPPF**.

Di dalam konteks ini, penghasilan sesebuah karya filem yang mengandungi ideologi pluralisme dan liberalisme yang secara jelas bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam akan diberi penelitian yang serius dan mendalam supaya tidak menimbulkan kekeliruan, polemik dan **keraguan dalam kalangan masyarakat beragama Islam kerana dikhuatiri boleh menggugat akidah sebahagian besar penonton terutamanya penonton di bawah usia 18 tahun yang masih belum kukuh pegangan agamanya**.

NO SOALAN : 14

Justeru, Kementerian ini bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta jabatan dan agensi lain sentiasa bekerjasama erat dan bertukar-tukar informasi sekiranya terdapat penghasilan karya filem yang mengandungi unsur-unsur untuk menghasut, memanipulasi dan mempengaruhi pemikiran yang bertentangan dengan ajaran agama Islam kerana agama Islam merupakan agama rasmi di negara ini.

Sehubungan itu, sekiranya kandungan sesebuah karya filem dari sudut tema, jalan cerita, adegan dan dialognya benar-benar didapati meraikan ideologi liberalisme dan pluralisme, ianya boleh dikenakan arahan-arahan pengubahan atau diberikan keputusan tidak lulus untuk ditayangkan oleh LPF ataupun sekiranya keterlaluan, suatu Perintah Larangan di bawah Akta 620 boleh dikeluarkan supaya menjadi pengajaran kepada semua penerbit filem tempatan dan luar negara yang bercadang untuk menayangkan filem mereka di negara ini lebih sensitif terhadap kandungan filem bersifat kontroversi terutamanya filem yang menyentuh isu agama, bangsa dan budaya di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan punca kelewatan Loji Rawatan Kumbahan Bayan Baru yang mengalami 9 kali *Extension of Time*. Apakah penyelesaian kepada projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek Loji Rawatan Kumbahan Bayan Baru Fasa 2 telah dilaksanakan secara konvensional iaitu setiap perubahan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu sebelum kerja-kerja dilaksanakan di tapak. Projek ini telah diluluskan Lanjutan Tempoh Masa (Extension of Time - EOT) sebanyak sembilan (9) kali dengan setiap permohonan dan kelulusan EOT akan dipertimbangkan melalui jawatankuasa mengambil kira justifikasi permohonan serta kebolehlaksanaan projek untuk disiapkan berdasar kepada kelayakan dalam klausa perjanjian kontrak antara pihak Kerajaan dengan Kontraktor.

2. Untuk makluman, justifikasi utama permohonan EOT bagi projek ini adalah disebabkan oleh tempoh masa yang diperlukan untuk menyelesaikan kerja-kerja pengalihan utiliti terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembinaan *jacking pit*, *receiving pit* dan pemasangan paip secara *pipe jacking* sepanjang 40 meter dapat dilaksanakan. Kerja-kerja pengalihan utiliti tersebut melibatkan beberapa pihak iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia (TM), Perbadanan Bekalan Air (PBA), dan Plexus Manufacturing Sdn. Bhd (PLEXUS) iaitu syarikat telekomunikasi Maxis.

3. Jabatan Perkhidmatan Pembetulan (JPP) pada masa ini sedang menyelaraskan koordinasi antara pemilik-pemilik utiliti dan pihak perunding dalam proses penyediaan dokumen kelulusan Wang Peruntukan Sementara (WPS) untuk kos pengalihan utiliti berkaitan. Pelaksanaan projek ini dapat diteruskan setelah kerja-kerja pengalihan utiliti diselesaikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam masa tiga tahun ini bagi persediaan guru, ibu bapa dan murid sebelum memperkenalkan Kurikulum Persekolahan Baharu pada tahun 2027.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memastikan sistem pendidikan kebangsaan termasuk kurikulum yang disediakan untuk pembelajaran murid adalah relevan dan berkualiti.

Bagi memastikan Kurikulum Persekolahan 2027 dapat dilaksanakan dengan jayanya, KPM telah menyusun perancangan dengan menyeluruh dan melibatkan semua bahagian di KPM serta rakan strategik pendidikan. Jawatankuasa Teknikal Pembangunan dan Pelaksanaan Kurikulum Persekolahan ditubuhkan khusus bagi merangka strategi dan program untuk memastikan keperluan untuk pelaksanaan Kurikulum Persekolahan 2027 disediakan. Jawatankuasa ini melibatkan persediaan dari aspek kurikulum, pentaksiran, dasar dan perundangan, perjawatan, bahan sokongan pembelajaran (termasuk peranti untuk guru dan murid), latihan serta infra dan info struktur.

Selain sesi libat urus, jerayawara dan tinjauan, KPM turut menggunakan pelbagai saluran media seperti media sosial, media elektronik dan media massa untuk menyampaikan maklumat secara berterusan bagi meningkatkan pemahaman masyarakat mengenai Kurikulum Persekolahan 2027. Maklumat juga disampaikan dalam program bersama rakyat seperti Program Madani Rakyat dan Program Tekad Reformasi Pendidikan.

KPM yakin dengan dasar dan program sedia ada serta perancangan yang diatur dapat membantu guru, ibu bapa dan murid apabila Kurikulum Persekolahan 2027 dilaksanakan kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK SERI IR.DR. WEE KA SIONG**
[AYER HITAM]
TARIKH : **5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)**

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap cadangan penggabungan tiga bank tempatan, SME Bank, Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan EXIM Bank dan sejauh manakah penggabungan ini akan memberi impak terhadap pertumbuhan sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penstrukturan semula Institusi-Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) melibatkan Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank) dan Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) **adalah selaras dengan agenda nasional untuk melaksanakan reformasi dan memperkukuhkan institusi-institusi milik Kerajaan termasuk IKP.**
2. Sebagai IKP Kerajaan yang telah wujud antara 20 hingga 50 tahun, terdapat keperluan di pihak Kerajaan untuk membuat penjajaran semula mandat, menilai kecekapan operasi dan prestasi serta penyampaian perkhidmatan setiap institusi bagi memastikan setiap institusi tersebut mencapai mandat dan masih kekal relevan. Oleh itu, penstrukturan semula IKP milik Kerajaan ini akan menyaksikan mandat yang dikemas kini, keberkesanan penyampaian perkhidmatan dipertingkatkan, kapasiti modal diperkukuhkan dan jaringan pelanggan diperluaskan.
3. Penstrukturan semula yang diterajui oleh BPMB ini dilihat sebagai satu langkah strategik yang penting untuk mengukuhkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kewangan kepada sektor-sektor ekonomi yang utama dan kritikal, termasuklah perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Dalam hal ini, tumpuan kepada segmen pasaran semasa meliputi PMKS dan golongan peniaga pertengahan dan besar akan dikekalkan malah ia akan diperkemaskan melalui jaringan pembiayaan secara *end to end* memandangkan ketiga-tiga bank akan berada di bawah satu bumbung.
4. Antara manfaat yang dapat direalisasikan melalui penstrukturan semula ini ialah **peningkatan akses kepada pembiayaan untuk PMKS dengan nilai pembiayaan yang lebih besar bagi tujuan pengembangan perniagaan melalui rekod kredit sedia ada**

apabila semua data peminjam dipusatkan. Pelbagai produk kewangan yang lebih komprehensif dan relevan dapat diperluaskan untuk memenuhi keperluan PMKS yang dinamik dengan produk kewangan yang merangkumi pinjaman modal kerja, pembiayaan eksport, pembangunan dan inovasi. PMKS yang sebelum ini menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan terutama dalam sektor-sektor tertentu dapat dibantu dengan lebih baik.

5. Selain itu, penstrukturan semula ini juga akan membawa kepada **peningkatan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan kewangan.** Dengan penstrukturan semula melibatkan tiga (3) institusi kewangan ini, terdapat sinergi operasi yang dapat dihasilkan yang akan mengurangkan kos pentadbiran dan meningkatkan kecekapan proses kelulusan pinjaman. Impak penggabungan IKP ini perlu dilihat secara menyeluruh dalam tempoh jangka sederhana dan jangka panjang termasuk antara lain dari segi kos operasi yang dijangka dapat dikurangkan sebanyak RM160 juta dan peningkatan pendapatan sebanyak RM400 juta dalam tempoh tiga (3) tahun pertama pelaksanaan penstrukturan semula IKP ini. Pengurangan kos dan peningkatan pendapatan adalah terhasil daripada peningkatan kapasiti modal entiti yang digabungkan sebanyak RM6.3 bilion yang akan memberi manfaat kepada lebih ramai peminjam termasuk golongan PMKS dengan transaksi sebanyak 38 ribu.
6. Dengan penyertaan EXIM Bank dalam penstrukturan semula ini, **PMKS akan mempunyai lebih banyak peluang untuk mendapat pembiayaan dan insentif bagi tujuan eksport. Ini akan membuka pintu kepada PMKS untuk mengembangkan perniagaan ke luar negara dan memanfaatkan peluang dalam pasaran global.** Dengan program pembiayaan eksport yang lebih mudah diakses dan disesuaikan untuk keperluan PMKS, entiti selepas penstrukturan semula ini mampu memainkan peranan yang lebih besar dalam membantu PMKS bersaing di peringkat antarabangsa dan meningkatkan daya saing negara dalam sektor eksport.
7. **Salah satu kelebihan penstrukturan semula ini ialah pengkhususan yang lebih mendalam dalam sektor-sektor**

tertentu. Dengan entiti selepas penstrukturan semula ini, fokus boleh diberikan kepada sektor-sektor kritikal dalam ekonomi seperti pertanian, teknologi dan perusahaan hijau. Sokongan kewangan yang lebih terarah kepada sektor-sektor ini akan memastikan bahawa PMKS dalam sektor tersebut mendapat pembiayaan yang sesuai dan relevan untuk mengembangkan perniagaan mereka. Ini juga sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk memperkukuhkan sektor-sektor utama dalam ekonomi yang mampu memacu pertumbuhan negara dalam jangka panjang.

8. Walaupun BPMB adalah bank yang menyediakan pembiayaan bagi projek-projek berskala besar dan melalui penstrukturan semula IKP ini BPMB adalah sebagai pemegang saham kepada SME Bank dan EXIM Bank, namun keutamaan bagi pembangunan PMKS melalui fasiliti pembiayaan tidak akan diketepikan. Ini telah digariskan melalui *Target Operating Model* (TOM) yang telah dibangunkan untuk entiti yang digabungkan yang antara lain termasuk untuk mempromosikan golongan PMKS dan mempertingkatkan produktiviti golongan ini. Selain itu, TOM bagi penstrukturan semula ini juga memberi tumpuan kepada tema utama pembangunan negara iaitu:
 - i. Memacu perbelanjaan infrastruktur sebagai pemangkin daya tahan ekonomi.
 - ii. Mempromosikan kelestarian sebagai pendorong pertumbuhan ekonomi dan mencapai sasaran iklim negara.
 - iii. Membolehkan pertumbuhan inklusif bagi memastikan pembangunan merangkumi semua golongan masyarakat serta meningkatkan penyertaan syarikat-syarikat Bumiputera dan PMKS.
 - iv. Menggalakkan sektor pembuatan maju dan sektor pertumbuhan baharu.
 - v. Mengukuhkan Pelaburan Langsung Asing (FDI) serta pelaburan dan eksport ke luar negara.
 - vi. Mempercepatkan inovasi digital dan automasi sebagai pemacu pertumbuhan masa hadapan.
 - vii. Melatih semula tenaga kerja untuk masa hadapan serta memastikan rakyat Malaysia bersedia menghadapi ekonomi yang lebih berasaskan teknologi dan inovasi.

9. Secara keseluruhannya, penstrukturan semula ini dijangka akan meningkatkan keupayaan syarikat-syarikat PMKS untuk berkembang dan memberi sumbangan lebih besar kepada ekonomi negara sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk memperkukuh sektor PMKS sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH
[LANGKAWI]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [LANGKAWI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kerajaan untuk memastikan keadaan yang tidak begitu sesak dalam depot tahanan imigresen dan adakah Kerajaan merancang untuk membenarkan NGO atau UNHCR untuk memeriksa depot-depot ini dengan bebas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa peka dengan isu kesesakan di semua Depot Imigresen yang menjejaskan keselesaan tahanan. Lanjutan daripada itu, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah proaktif agar jumlah tahanan direkodkan tidak melebihi kapasiti depot.

Sehingga 30 September 2024, terdapat 25 buah depot imigresen di seluruh negara termasuk depot imigresen sementara dengan kapasiti keseluruhan 20,750 tahanan. JIM merekodkan seramai 17,126 tahanan (82.5%) di depot imigresen dengan pecahan 12,231 tahanan lelaki, 3,003 tahanan wanita beserta 2,092 tahanan kanak-kanak keseluruhan. Hal ini menunjukkan bahawa tiada kesesakan tahanan berlaku di depot imigresen kerana jumlah tahanan di depot imigresen tidak melebihi kapasiti.

JIM juga memberi kebenaran pihak *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) untuk mengakses masuk ke depot imigresen berdasarkan permohonan secara (*case-by-case basis*) dan bagi pembebasan tahanan yang mempunyai kad UNHCR di depot imigresen.

Selain itu, JIM juga telah memberi kebenaran lawatan dari NGO ke depot imigresen seperti *Medicins San Frontieres* (MSF), *International Committee of the Red Cross* (ICRC), *Persatuan Bulan Sabit Merah* (PBSM), *International Organization for Migration* (IOM), *SUKA Society*, *Yayasan Chow Kit*, *Yayasan Hasanah* dan *Geutanyoe Malaysia* berdasarkan kepada permohonan yang diterima secara bertulis kepada Ketua Pengarah Imigresen. JIM merekodkan sebanyak 264 sesi lawatan oleh NGO bermula Januari 2024 hingga 30 September 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI
[BATANG LUPAR]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHAMAD SHAFIZAN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah terdapat inisiatif oleh Kementerian untuk menjalankan pembersihan parit berjadual di kawasan-kawasan pertanian utama seperti Kampung Maludam dan rumah-rumah panjang di sekitarnya bagi menyelesaikan masalah banjir termenung yang sering melanda kawasan ini sehingga menjejaskan hasil pertanian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bertindak sebagai Jabatan Teknik selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182 (AP182) untuk melaksanakan projek Jabatan atau Agensi Bukan Teknik termasuklah kerja pemulihan infrastruktur di kawasan-kawasan pertanian.
2. Sebagai Jabatan Teknik, JPS akan melaksanakan projek di bawah Kementerian/Jabatan/Agensi pemohon berdasarkan skop dan peruntukan yang diluluskan. Kerja-kerja penyelenggaraan atau menaiktaraf perparitan di kawasan-kawasan pertanian seperti Kampung Maludam adalah antara contoh projek yang dirujuk kepada JPS.
3. Sementara itu, sebagai penyelesaian jangka pendek untuk mengurangkan risiko banjir, JPS melaksanakan kerja-kerja kecil di bawah Projek Pemuliharaan Sungai untuk Mengurangkan Risiko Banjir. Peruntukan berjumlah RM147 ribu telah disalurkan kepada Parlimen Batang Lupa pada tahun 2023 untuk melaksanakan kerja-kerja kecil melibatkan skop utama seperti pengaluran sungai, menstabilkan tebing sungai dan menaiktaraf saluran serta struktur berkaitan. Pada tahun ini pula, sebanyak RM50 ribu diperuntukkan untuk melaksanakan tiga (3) sebutharga yang akan siap pada Disember 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN
KHIRUDIN
[JERANTUT]
TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

IR. TS. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN [JERANTUT] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :

- (a)apakah perancangan Kerajaan dalam melaksanakan pelan elektrifikasi kenderaan untuk semua kenderaan rasmi jabatan dan agensi Kerajaan termasuk anggota pentadbiran; dan
- (b)apakah sasaran dan kos perbelanjaan yang akan ditanggung Kerajaan dalam pelan berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan komited ke arah penggunaan kenderaan elektrik (EV) bagi mencapai sasaran sekurang-kurangnya 50% kenderaan Kerajaan baharu sama ada *Battery Electric Vehicle* (BEV) ataupun kenderaan *Hybrid* mulai tahun 2025 sepertimana yang digariskan di dalam Pelan Tindakan Mobiliti Rendah Karbon (*Low Carbon Mobility Blueprint* - LCMB).
2. Bagi mencapai sasaran tersebut, Kementerian merancang untuk melaksanakan satu program perintis bagi menilai dan mendapat gambaran sebenar mengenai tahap keberkesanan dan *viability* penggunaan EV sebagai Kenderaan Jabatan (KJ) dan Kenderaan Rasmi Jawatan (KRJ) selain mengenalpasti isu dan aspek berkaitan pelaksanaan untuk diselaraskan bagi tujuan pelaksanaan program secara menyeluruh. Tempoh pelaksanaan program dijadual dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) bulan dan akan disertai oleh lapan (8) Kementerian yang menganggotai ahli Jawatankuasa Pemandu EV Kebangsaan (*National EV Steering Committee* - NEVSC).
3. Kos bagi pelaksanaan program perintis masih dalam penelitian namun akan kekal menggunakan peruntukan sedia ada kementerian tanpa melibatkan peruntukan tambahan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI]

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHIEW CHOON MAN [MIRI] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan butiran mengenai projek kawalan hakisan pantai dan banjir di Pantai Lutong termasuk jumlah kos keseluruhan, skop kerja, jangka masa dana disalurkan serta tarikh projek tersebut akan dimulakan dan disiapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua projek utama yang sedang dilaksanakan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia di Bahagian Miri melibatkan kawasan Lutong adalah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Miri dan Projek Mengatasi Banjir Pantai di Negeri Sarawak.
2. RTB Miri diluluskan bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dengan kos berjumlah RM31 juta. Pelaksanaan projek ini melibatkan kawasan Lutong, Krokop dan Jalan Jee Foh. Setelah siap kelak, projek ini dijangka akan memberikan perlindungan kepada lebih 12,800 penduduk di kawasan terlibat dari risiko berlakunya banjir. Kerja-kerja fizikal telah bermula pada Oktober 2023 dan kemajuan terkini di tapak adalah 13.5% dan projek ini dijangka siap pada Oktober 2025.
3. Projek Mengatasi Banjir Pantai di Negeri Sarawak pula telah diluluskan dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM316 juta. Objektif projek adalah untuk mengurangkan risiko berlakunya limpahan banjir pantai ke kawasan penduduk, melindungi harta benda dan kawasan pertanian. Skop utama projek adalah pembinaan struktur perlindungan banjir pantai dan kawalan hakisan serta kerja-kerja yang berkaitan.
4. Pelaksanaan projek ini akan melibatkan 17 lokasi di enam (6) bahagian di Negeri Sarawak termasuklah di Bahagian Miri yang merangkumi Pantai Lutong, Bungai Bekenu, Peliau Bungai, Kampung Kuala Sibuti dan Pantai Bakam.
5. Projek ini akan dilaksanakan secara reka dan bina dan dalam proses perolehan. Berdasarkan perancangan, pelaksanaan kerja akan bermula pada Oktober 2025 dan tempoh pelaksanaan projek adalah selama lima (5) tahun.
6. Selain itu, sebagai penyelesaian jangka pendek untuk mengurangkan risiko banjir, JPS melaksanakan kerja-kerja kecil di bawah Projek Pemuliharaan Sungai untuk Mengurangkan Risiko Banjir. Peruntukan berjumlah RM614 ribu telah disalurkan untuk Parlimen Miri pada tahun

NO SOALAN : 21

2022 sehingga 2023 untuk melaksanakan kerja-kerja melibatkan skop utama seperti pengaluran sungai, menstabilkan tebing sungai dan menaiktaraf saluran serta struktur berkaitan. Pada tahun ini pula, sebanyak RM400 ribu diperuntukkan untuk melaksanakan tiga (3) sebutharga yang akan siap pada Disember 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
[LARUT]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [LARUT] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapa syarikat pembekal yang terlibat dalam pajakan tren dari China bernilai RM10.7 bilion dan apakah terdapat tender.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan secara dasarnya telah bersetuju untuk melaksanakan Pemerkasaan Industri Keretapi melalui Pelaksanaan Kaedah Pajak Tren Penumpang secara Kerajaan dengan Kerajaan Antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Rakyat China. Untuk pelaksanaan bagi Fasa 1 (2024 – 2027), tren penumpang akan dipajakkan selama 30 tahun dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM10.7 billion.

2. Pada masa kini, Kementerian Pengangkutan (MOT) sedang meneliti struktur model perniagaan yang bersesuaian berkenaan usahasama antara entiti yang akan mewakili Kerajaan Malaysia dan entiti yang akan mewakili Kerajaan China dalam pembekalan tren tersebut. Melalui cadangan usahasama ini, Kerajaan akan memastikan terma-terma tertentu seperti keperluan bagi memastikan *Local Content Requirement* (LCR) dalam pembangunan atau pemasangan tren di Malaysia, keperluan pemindahan teknologi dan penglibatan tenaga kerja tempatan dipatuhi. Mekanisme perolehan dan pelaksanaan projek ini selanjutnya akan ditentukan semasa perbincangan yang akan diadakan di antara kedua-dua buah negara kelak termasuklah anggaran perbelanjaan yang akan dirunding ke paras yang munasabah dan menguntungkan kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH
[BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan meminda Akta Pencegahan Jenayah 1959 memandangkan keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam Dhinesh a/l Tanaphll vs Lembaga Pencegahan Jenayah & Ors [2022] 3 MLJ 356 yang memutuskan, antara lain, bahawa seksyen 15B Akta tersebut adalah tidak berperlembagaan (*unconstitutional*). Sekiranya ya, nyatakan bilakah pindaan tersebut akan dilakukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri mempunyai peranan yang amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampanan dan memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI tercapai.

Justeru, sebaik sahaja Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa seksyen 4 dan 15B POCA bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan pada April 2022, KDN telah mengadakan beberapa sesi libat urus (SLU) dengan pemegang taruh berkaitan dan selanjutnya membentangkan cadangan pindaan POCA pada Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 13 Disember 2023.

Susulan kelulusan Jemaah Menteri terhadap cadangan pindaan POCA, satu SLU khas bagi membincangkan cadangan tersebut dengan lebih terperinci telah dilaksanakan pada Februari 2024 dan Disember 2024 melibatkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Menteri Digital, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Ahli Parlimen Selayang, Ahli Parlimen Batu, dan Ahli Parlimen Ledang. Turut hadir semasa libat urus tersebut adalah pemegang taruh berkaitan termasuklah wakil NGO.

KDN juga memahami keperluan pihak polis untuk terus mengguna pakai Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 dalam menangani aktiviti jenayah terancang seperti perjudian dalam talian, jenayah rentas sempadan dan jenayah eksploitasi teknologi secara lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengambil kira maklumbalas SLU pada Februari tersebut, KDN telah melaksanakan bengkel susulan pada Mac 2024 bagi meneliti pandangan dan memenuhi hasrat pemegang taruh yang telah diutarakan.

KDN akan mengadakan SLU bersama Menteri-Menteri, Ahli Ahli Parlimen dan pemegang taruh berkaitan dalam masa terdekat bagi membincangkan

cadangan pindaan POCA yang baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN
MASDUKI [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD MISBAHUL MUNIR BIN MASDUKI [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan atau hasrat menaikkan taraf semua sekolah-sekolah tahfiz di seluruh negara didaftarkan di bawah Kementerian Pendidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertanggungjawab untuk merancang menaik taraf sekolah KPM yang menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT), iaitu di sekolah berasrama penuh, sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) dan sekolah agama bantuan kerajaan (SABK). Manakala, KPM tiada obligasi untuk merancang dan menaik taraf semua sekolah tahfiz yang tidak berada di bawah kelolaan KPM.

Namun begitu, KPM juga amat perihatin atas keperluan pendaftaran sekolah tahfiz dengan KPM. Sehubungan itu, sesi perbincangan dua hala antara pihak KPM dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan pihak berkuasa Agama Negeri (PBAN) akan terus dilaksanakan bagi memastikan sekolah tahfiz dapat didaftarkan sebagai SABK untuk melayakkan sekolah tersebut menerima pelbagai bantuan dan ditadbir urus dengan baik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
TANGAU [TUARAN]**
TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah penyelesaian kepada sekumpulan pesara Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah untuk menerima wang persaraan mereka setelah dipertikaikan KWAP memandangkan wang terkumpul hasil dari Retirement Benefit Scheme mereka di tabung KWAP adalah melebihi RM5.8 juta. Adakah Kementerian berhasrat menawarkan faedah alternatif kepada mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Caruman dalam skim *Retirement Benefit Scheme* (RBS) hanya melibatkan caruman oleh majikan (dibiayai sepenuhnya oleh majikan iaitu Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah (LPPS) sebanyak 20% dan tiada caruman atau sumbangan yang dibuat oleh pekerja.
2. Selaras dengan pengenalan skim pencen badan berkanun dan tempatan melalui Suruhanjaya Harun, bahagian wang yang dicarumkan oleh majikan bagi pekerja yang memilih opsyen *Full Pension Scheme* perlu dipulangkan kepada majikan. Sehubungan itu, LPPS selaku majikan telah menyerahkan wang RBS tersebut kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) selaras dengan Seksyen 8, Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [Akta 239] dan Seksyen 13 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 [Akta 662].
3. Manakala bagi pekerja yang memilih opsyen *Full EPF Benefits*, mereka dibenarkan untuk membuat pengeluaran simpanan daripada keseluruhan caruman majikan dan pekerja sebagaimana peraturan sedia ada di bawah skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) selain daripada *reduced pension* dan *reduced gratuity*.
4. Bagi maksud soalan YB, seramai 165 orang pesara-pesara LPPS telah membuat tuntutan di mahkamah dan semakan mendapati bahawa 157 plaintif adalah *Full Pension Scheme* dan 8 orang plaintif *Full EPF Benefits*. Tuntutan daripada pesara-pesara LPPS di mahkamah telah pun ditolak oleh Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu pada 22 Mac 2010. Mahkamah telah memutuskan bahawa pesara-pesara LPPS yang membuat tuntutan tersebut telah terhenti (*estopped*) dari memohon baki itu dikembalikan kepada mereka dan perkara ini tidak boleh dibuka semula atas prinsip *res judicata*.
5. Dalam hubungan ini, Kementerian Kewangan mendapati bahawa tindakan LPPS menyerahkan wang tersebut kepada KWAP adalah

NO SOALAN : 25

teratur dan tiada faedah alternatif baharu ditawarkan kepada pesara LPPS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN
HANAPI (BERSARA)
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA)
[TANJONG KARANG] minta MENTERI KEWANGAN**
menyatakan adakah Kerajaan mempunyai cadangan menaikkan STR
pada masa akan datang bagi mengurangkan beban rakyat bagi
menghadapi kenaikan harga barangan runcit dan kos sara hidup yang
semakin meruncing mutakhir ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2025, Kerajaan telah meningkatkan peruntukan ke **tahap tertinggi bagi Sumbangan Tunai Rahmah (atau STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (atau SARA) iaitu kepada 13 bilion ringgit berbanding 10 bilion ringgit. Peningkatan ini terus memberi manfaat kepada 9 juta penerima atau bersamaan 60 peratus penduduk dewasa negara.** Program ini merupakan bantuan tunai Kerajaan kepada golongan berpendapatan rendah serta sederhana yang benar-benar berkelayakan dan memerlukan bagi mendepani cabaran kos sara hidup.
2. Antara penambahbaikan yang dibuat Kerajaan pada tahun 2025:
 - **Pertama**, 4.1 juta penerima isi rumah STR akan menerima SARA sebanyak 100 ringgit sebulan;
 - **Kedua**, 1.3 juta penerima warga emas tiada pasangan STR akan menerima SARA sebanyak 50 ringgit sebulan;
 - **Ketiga**, bantuan SARA akan dikreditkan ke dalam MyKad penerima bermula April 2025;
 - **Keempat**, kadar STR kategori bujang ditingkatkan kepada 600 ringgit; dan
 - **Kelima**, kadar maksimum yang diterima isi rumah meningkat kepada 4,600 ringgit.
3. Selain itu, bagi penerima STR berstatus miskin dan miskin tegar di bawah eKasih akan terus menikmati **tambahan SARA** sebanyak 1,200 ringgit atau 600 ringgit setahun (100 ringgit sebulan atau 50 ringgit sebulan dalam tempoh 12 bulan) melibatkan lebih 700,000 penerima.
4. Bantuan SARA **boleh dibelanjakan** untuk membeli barangan asas seperti makanan dan minuman, ubat-ubatan, barangan persekolahan serta kebersihan diri di lebih 600 pasar raya dan kedai runcit seluruh negara.

5. Kerajaan akui dan mendengar rungutan tentang kos sara hidup. Oleh itu, Kerajaan mengambil langkah serta kebijakan ekonomi dengan meningkatkan peruntukan dan kadar maksimum bantuan tunai yang tertinggi pernah diberikan. Kerajaan juga kekal komited dan sentiasa memantau situasi semasa dalam memastikan bantuan tunai Kerajaan terus disalurkan kepada golongan rentan dalam mendepani cabaran kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**
TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan unjuran persediaan rakyat Malaysia menghadapi kemampuan kewangan menjelang usia persaraan memandangkan sekurang-kurangnya RM240 ribu simpanan diperlukan bagi menjalani 20 tahun kehidupan selepas berpencen dengan kadar RM1,000 sebulan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Simpanan Asas ialah satu jumlah simpanan dalam Akaun Persaraan yang ditetapkan KWSP bagi membolehkan ahli memperoleh simpanan **sekurang-kurangnya RM240,000 pada umur 55 tahun**. Simpanan Asas ini membolehkan ahli memperoleh jumlah minimum sebanyak **RM1,000 setiap bulan pada tahun pertama persaraan**. Namun, kesan daripada gandaan dividen tahunan membolehkan nilai pengeluaran pendapatan persaraan bulanan bertambah dari tahun ke tahun.
2. Kesan daripada gandaan dividen tahunan tersebut, jumlah **pengeluaran bulanan dianggarkan boleh meningkat sehingga RM2,728 pada umur 75 tahun** berdasarkan andaian jangkaan purata hayat penduduk Malaysia. Oleh itu, **purata pengeluaran bulanan** untuk keseluruhan tempoh dari 55 tahun sehingga 75 tahun (selama 20 tahun) **dianggarkan sebanyak RM1,697 sebulan**.
3. **Setakat 30 Oktober 2024, 2.65 juta (36.2%) daripada 7.33 juta ahli aktif formal berumur 18 hingga 55 tahun telah mencapai simpanan asas mengikut umur berbanding 2.21 juta (30.4%) daripada 7.25 juta ahli aktif formal pada Disember 2022**. Ketidacukupan simpanan persaraan adalah disebabkan beberapa faktor seperti struktur gaji yang rendah, umur yang layak untuk melakukan pengeluaran penuh iaitu 55 tahun adalah tidak selaras dengan umur persaraan Malaysia, caruman yang tidak konsisten serta kadar celik kewangan di kalangan rakyat Malaysia yang rendah menyebabkan kurang kesedaran terhadap kepentingan perancangan kewangan dan persaraan.
4. Sebagai salah satu institusi perlindungan sosial, KWSP sentiasa berusaha untuk mengambil langkah proaktif dalam memperkukuhkan asas perlindungan sosial untuk ahlinya dari segi kecukupan simpanan persaraan untuk menampung keperluan perbelanjaan di hari tua.

Langkah-langkah KWSP untuk meningkatkan tahap simpanan ahli

5. Dalam usaha membantu ahli membina simpanan persaraan, KWSP telah menyediakan pelbagai saluran untuk memudahkan ahli mencarum ke KWSP. Bagi ahli yang bekerja dan mempunyai majikan, mereka boleh memilih untuk **mencarum melebihi kadar caruman berkanun** syer pekerja iaitu 11% pada bila-bila masa. Setakat Oktober 2024, seramai **288 ribu** ahli aktif formal KWSP telah mendaftar dan mencarum melebihi kadar berkanun bagi caruman pekerja.
6. Selain itu, ahli KWSP juga boleh mencarum sendiri pada bila-bila masa melalui **Caruman Sukarela** bagi menambah simpanan mereka, tertakluk kepada had caruman tahunan sebanyak **RM100 ribu setahun**. Pada tahun 2024, seramai **1.0 juta ahli** aktif telah membuat caruman sukarela setakat Oktober 2024, dengan jumlah amaun caruman sebanyak **RM11.16 bilion**.
7. KWSP pada 11 Mei 2024 yang lalu juga telah memperkenalkan penstrukturan semula akaun KWSP kepada tiga (3) akaun dimana ia bertujuan untuk memperkasa ahli dalam membuat keputusan bagi mengimbangi keperluan jangka panjang terutama untuk persaraan serta keperluan kewangan jangka pendek dan jangka sederhana. Dengan perstrukturan ini, caruman Akaun Persaraan (dahulunya Akaun 1) yang bertujuan sebagai simpanan persaraan ditingkatkan sebanyak 75% berbanding 70% caruman sebelum ini bagi mempercepatkan ahli untuk mencapai Simpanan Asas.
8. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi golongan muda pula, KWSP membenarkan individu untuk berdaftar dan mencarum secara sukarela seawal usia 14 tahun. Walaupun mereka yang berusia di bawah 16 tahun biasanya tidak bekerja secara formal, mereka boleh membuat caruman sendiri atau caruman daripada pihak lain (seperti ibu bapa) ke dalam akaun KWSP. Tiada amaun minimum ditetapkan namun caruman sukarela adalah tertakluk kepada had maksimum RM100 ribu setahun. Ini adalah langkah yang baik bagi golongan muda untuk mula menyimpan dan memupuk kesedaran tentang

pentingnya simpanan jangka panjang dan memanfaatkan gandaan dividen.

9. Program **i-Sayang** membolehkan suami memperuntukkan **2% daripada caruman KWSP bulanan (syer pekerja)** secara sukarela ke akaun KWSP isteri mereka. Sejak program ini dilancarkan pada Mac 2023, lebih kurang **92 ribu suami** telah menyertai program i-Sayang yang melibatkan jumlah pindahan caruman sebanyak **RM120.3 juta** setakat Oktober 2024.
10. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan dalam Belanjawan 2025 telah mengumumkan untuk menambah baik program i-Saraan dengan menaikkan insentif padanan daripada 15% kepada 20%, tertakluk kepada maksimum RM500 setahun dan had seumur hidup sebanyak RM5,000 bagi setiap individu.
11. Kerajaan juga meneruskan program i-Suri dengan memberi insentif padanan Kerajaan untuk ahli yang berdaftar di bawah program e-Kasih sebanyak 50% daripada jumlah caruman tahunan. Inisiatif ini adalah tertakluk kepada had maksimum insentif padanan Kerajaan sebanyak RM300 setahun dan RM3,000 untuk seumur hidup.
12. KWSP juga telah memperkenalkan *Retirement Advisory (RA)* sejak 2014 yang bertujuan memberi khidmat nasihat dan rundingan mengenai perancangan kewangan dan persaraan. Perkhidmatan ini diberi secara percuma dan terbuka kepada ahli dan bukan ahli di cawangan-cawangan KWSP di seluruh negara.
13. KWSP dengan kerjasama *Social Wellbeing Research Centre (SWRC)* juga telah melancarkan **Belanjawanku** iaitu satu panduan perbelanjaan minimum bulanan mengikut pelbagai kategori isi rumah di bandar utama di semua negeri. Belanjawanku boleh digunakan untuk merancang perbelanjaan peribadi dan keluarga berdasarkan kategori isi rumah berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pengambilan guru pada tahun 2024 :

- (a) perincian pengambilan guru mengikut opsyen mata pelajaran bagi tahun 2014 hingga tahun 2024 dan unjuran pengambilan guru bagi tahun 2025 hingga 2035; dan
- (b) sekolah-sekolah yang kekangan jumlah guru bagi setiap negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan pengisian guru dalam kalangan graduan pendidikan lepasan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), universiti awam, universiti swasta dan universiti luar negara. Pengisian ini tertakluk kepada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen mata pelajaran. Urusan pengambilan guru dilaksanakan melalui Pihak Berkuasa Melantik, iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

Bagi tahun 2014 hingga 2023, KPM telah melaksanakan pengambilan guru baharu dalam julat antara 18,000 hingga 20,000 orang setahun melibatkan lebih 40 opsyen mata pelajaran. Manakala, unjuran keperluan guru bagi tahun 2024 hingga 2029 ialah dalam julat 13,800 hingga 19,700 orang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan guru meningkat setiap tahun dipengaruhi oleh bilangan guru keluar sistem yang tinggi, terutama dalam kalangan guru bersara paksa dan bersara pilihan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2024, jumlah kekosongan guru pada 1 Januari 2024 adalah 18,873 jawatan. Urusan pengambilan tahun 2024 sedang dilaksanakan oleh SPP bagi mengisi kekosongan di sekolah-sekolah KPM.

Sehingga 30 September 2024, statistik jumlah pengisian guru adalah seramai 416,260 orang dan peratus pengisian adalah pada 96.18 peratus. Seramai 13,749 orang guru baharu juga telah ditempatkan sehingga 30 September 2024 bagi mengisi perjawatan di sekolah rendah dan menengah seluruh negara.

KPM akan terus memantau keperluan guru di seluruh negara dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]
TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a)sejauh manakah pelaksanaan E-Invois sehingga kini dan keberkesanannya dalam meningkatkan tahap pematuhan cukai ; dan
- (b)apakah usaha Kerajaan untuk menangani masalah adaptasi yang dihadapi oleh golongan PMKS dari segi pengetahuan, kos latihan serta penambahbaikan sistem E-Invois agar ia tidak akan membebankan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan e-Invois secara menyeluruh akan bermula pada 1 Julai 2025 yang melibatkan semua perniagaan termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Buat masa ini, Kerajaan telah bersetuju untuk memberi pengecualian daripada pengeluaran e-Invois kepada peniaga kecil yang mempunyai jualan tahunan di bawah 150 ribu ringgit. Namun, Kerajaan sangat menggalakkan penglibatan peniaga kecil dalam inisiatif e-Invois selaras dengan aspirasi negara ke arah pendigitalan perniagaan.
2. Setakat 19 November 2024, sebanyak 7,900 syarikat telah menggunakan sistem e-Invois yang melibatkan pengeluaran 87 juta e-Invois secara keseluruhan. Penyertaan e-Invois ini bukan sahaja melibatkan syarikat atau pembayar cukai fasa pertama sahaja tetapi turut disertai oleh syarikat yang berada dalam fasa kedua dan ketiga secara sukarela. Ini menunjukkan tahap penerimaan yang baik di kalangan syarikat dalam mematuhi pelaksanaan e-Invois.
3. Selain itu, Kerajaan telah menyediakan tempoh peralihan selama 6 bulan bagi memberi kelonggaran kepada perniagaan untuk mengeluarkan e-Invois disatukan, iaitu e-Invois yang menggabungkan semua transaksi jualan setiap bulan. Sepanjang tempoh peralihan ini juga, penalti tidak akan dikenakan kepada perniagaan yang sekurang-kurangnya mengeluarkan e-Invois disatukan.
4. Dalam usaha untuk membantu PMKS melaksanakan e-Invois ini tanpa melibatkan sebarang kos tambahan, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah menyediakan Portal MyInvois yang boleh diakses dan digunakan secara percuma bagi proses penghantaran e-Invois kepada LHDN. Sebagai tambahan, aplikasi MyInvois telah dibangunkan dan disediakan kepada pembayar cukai. Kini pembayar cukai boleh melaksanakan e-Invois menerusi aplikasi MyInvois di telefon pintar masing-masing pada bila-bila masa dan di mana jua.

5. Dari segi pengetahuan dan kos latihan, pihak LHDN mengambil pendekatan secara aktif dalam menjalankan program dan sesi libat urus yang berterusan bagi tujuan kesedaran dan pendidikan di seluruh negara. LHDN turut menyediakan platform, tutorial bimbingan dan panduan pengguna bagi membantu PMKS menggunakan Portal MyInvois. Selain itu, pegawai LHDN di peringkat negeri juga telah turun padang dan mengadakan bengkel dan taklimat di seluruh negara bagi memberi bimbingan dan penjelasan berhubung pelaksanaan e-Invois kepada PMKS.
6. LHDN turut menganjurkan program e-Invois di seluruh negara secara percuma bagi memberikan kesedaran dan kefahaman berkaitan pelaksanaan e-Invois kepada PMKS. Senarai jadual program ini boleh diperolehi di Portal Rasmi LHDN atau menghubungi pejabat LHDN berhampiran. LHDN akan terus mempergiatkan lagi sesi libat urus dan program pendidikan e-Invois dengan pembayar cukai dalam fasa ketiga bagi memastikan pelaksanaannya berjalan lancar mulai 1 Julai 2025.
7. LHDN sentiasa komited dan bersedia untuk memberikan taklimat kepada mana-mana pihak yang memohon untuk mendapatkan penjelasan serta bimbingan mengenai pelaksanaan e-Invois pada bila-bila masa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG]

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan susulan daripada ucapan Y.A.B. Perdana Menteri di Sambutan Hari Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Ke-25, apakah langkah-langkah drastik yang akan diambil untuk membuat siasatan dan kajian mengenai kes-kes kecederaan dan kematian tahanan di dalam lokap.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) telah menubuhkan Unit Siasatan Jenayah Kematian Dalam Tahanan (USJKT), PDRM yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2022 [Arahan KPN Bil. 169: Penubuhan Unit Siasatan Jenayah dan Kematian Dalam Tahanan (USJKT)] yang beroperasi secara berpusat di peringkat Bukit Aman.

USJKT berperanan untuk menyiasat kes-kes kematian orang dalam tahanan/lokap PDRM. Selain daripada itu, unit ini juga menjalankan siasatan selari dari sudut tatatertib bagi mengenal pasti sama ada wujud pelanggaran SOP/arahan/peraturan yang telah dikeluarkan oleh pasukan. Sebarang kelemahan yang dikesan daripada anggota pengurusan lokap yang menyumbang kepada kematian dalam tahanan akan dirujuk kepada Jabatan Pengurusan untuk diambil tindakan penambahbaikan segera.

Dalam pada itu, Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (*Independent Police Conduct Commission – IPCC*) 2022 [Akta 839] yang mula berkuatkuasa pada 1 Julai 2023 mempunyai fungsi dan peranan seperti berikut:

- (i) menerima aduan salah laku anggota Pasukan Polis;
- (ii) menyiasat aduan salah laku anggota Pasukan Polis yang diterima;
- (iii) mengesyorkan tindakan tatatertib terhadap anggota Pasukan Polis yang terlibat dengan salah laku kepada Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP);
- (iv) boleh memulakan siasatan sendiri tanpa rujukan daripada mana-mana pihak atas faktor kepentingan awam; dan

- (v) dijadikan rujukan mandatori (*mandatory referral*) yang mewajibkan Pasukan Polis untuk merujuk kes yang melibatkan jenayah seksual dan kes yang mengakibatkan cedera parah atau kematian terhadap orang dalam tahanan atau jagaan anggota Pasukan Polis.

Terkini, satu kajian berkaitan dengan kes kematian dalam tahanan dan langkah-langkah mencegah telah dijalankan oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dan laporan kajian telah dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 7 Mei 2024 yang lalu. Mesyuarat tersebut memutuskan ditubuhkan Pasukan Petugas Khas (PPK) bagi pelaksanaan syor-syor Jawatankuasa Kajian Terhadap Kes Kematian Dalam Tahanan dan Mengenal Pasti Cadangan Langkah Pencegahan. PPK dikehendaki mengemukakan maklumat kepada JKKTN selewat-lewatnya pada suku kedua tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD
[KEPALA BATAS]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta
MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :

- (a) jumlah kemasukan pelajar ke Kolej Matrikulasi KPM mengikut negeri dan bangsa dalam tempoh 2021 sehingga 2024; dan
- (b) apakah kemudahan dan manfaat yang diterima oleh pelajar kolej matrikulasi turut diberikan kepada pelajar kolej tingkatan 6.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pengambilan pelajar Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi tahun 2021 hingga tahun 2024 yang ditempatkan di 15 buah kolej matrikulasi ialah sebanyak 30,000 tempat. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak 27,000 tempat (90 peratus) diperuntukkan kepada pelajar Bumiputera dan 3,000 tempat (10 peratus) diperuntukkan kepada pelajar bukan Bumiputera.

KPM sentiasa komited untuk memastikan kebajikan semua pelajar matrikulasi dan tingkatan enam mendapat kemudahan yang terbaik untuk meneruskan pengajian di peringkat lepas menengah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menyediakan pendidikan secara percuma kepada semua pelajar di 15 kolej matrikulasi dan 635 pusat tingkatan enam di seluruh negara.

Selain daripada itu, kerajaan juga menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar yang layak seperti Bantuan Sara Hidup Pelajar (BSHP) sebanyak RM250.00 sebulan di matrikulasi dan Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) sebanyak RM90.00 sebulan bagi bidang sains sosial dan RM110.00 sebulan bagi bidang sains di tingkatan enam.

Pelajar matrikulasi diwajibkan menginap di asrama yang disediakan sepanjang tempoh pengajian. Sementara itu, murid tingkatan enam pula ditempatkan berhampiran lokaliti kediaman masing-masing. Namun begitu, kemudahan asrama turut disediakan kepada mereka yang memerlukan.

KPM juga memastikan tenaga pengajar di matrikulasi dan tingkatan enam dalam kalangan guru yang berkelayakan dan berpengalaman luas dalam mata pelajaran yang diajar. Kedua-dua institusi ini turut menawarkan pengajian dalam bidang STEM dan sains sosial. Sebanyak 80 peratus pelajar ditempatkan dalam bidang STEM manakala baki 20 peratus dalam bidang perakaunan di matrikulasi. Pelajar di kedua-dua institusi ini juga

mendapat peluang yang sama untuk menduduki Malaysian University English Test (MUET) sebagai persediaan untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi.

Dengan kemudahan dan manfaat yang diberikan ini, KPM yakin pelajar matrikulasi dan tingkatan enam dapat mengikuti pengajian yang selesa di program masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**EMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL
RAHMAN [LABUAN]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bila projek menaik taraf Terminal Feri Roro yang dianggarkan bernilai RM22 juta akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) sedia maklum bahawa terdapat keperluan agar Terminal Feri RORO dan Penumpang di Wilayah Persekutuan Labuan dinaik taraf bagi meningkatkan tahap keselamatan, keselesaan dan perkhidmatan di terminal feri berkenaan. Keadaan semasa juga menunjukkan bahawa kawasan pendaratan di terminal telah mengalami hakisan dan menyebabkan kerosakan pada struktur sokongan utama yang memerlukan kerja-kerja pemulihan dan pembaikan.
2. Bagi mengatasi isu ini, MOT telah mengambil tindakan susulan dengan memohon peruntukan Perbelanjaan Pembangunan (DE) sebanyak RM22 juta di bawah *Rolling Plan* ke 5 (RP5) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) bagi tujuan Menaiktaraf Terminal Feri RORO Kenderaan dan Penumpang Wilayah Persekutuan Labuan tersebut. Permohonan projek juga telah dibentangkan kepada Kementerian Ekonomi (KE) pada 25 April 2024.
3. Dalam pada itu, YAB Perdana Menteri Malaysia (YAB PM) juga telah mengadakan lawatan dan sesi libat urus komuniti di Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan pada 31 Mei 2024 lalu. Melalui lawatan dan sesi libat urus berkenaan, YAB PM telah mengumumkan kelulusan peruntukan sebanyak RM22 Juta untuk melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf di terminal feri berkenaan. Justeru, projek ini dijangka akan bermula pada tahun 2025.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI]

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membendung peningkatan kadar jenayah jalanan yang melibatkan warga asing dan warga tempatan serta usaha-usaha untuk meningkatkan keselamatan awam di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampanan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Bagi membendung peningkatan kadar jenayah jalanan yang melibatkan warga asing dan warga tempatan serta bagi meningkatkan keselamatan awam di Malaysia, beberapa program/ aktiviti telah dilaksanakan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang bertujuan untuk memastikan usaha pencegahan jenayah secara efektif berjaya dilaksanakan. Antaranya adalah:

- i) Aktiviti pencegahan jenayah oleh Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) melalui tiga (3) elemennya iaitu Cawangan *Mobile Patrol Vehicle* (MPV), Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dan Unit Polis Pelancong (UPP) yang melaksanakan tugas rondaan mencegah jenayah meliputi kawasan penempatan, perniagaan, perkilangan, sasaran penting dan lain-lain kawasan tempat tumpuan masyarakat. Sepanjang melaksanakan rondaan, cawangan MPV, URB dan UPP melaksanakan program *Stop and Talk* dan *Meet and Greet* dengan masyarakat. Selain itu pelaksanaan Sekatan Jalan Raya (SJR) di peringkat daerah turut dilaksanakan bagi pelaksanaan pencegahan jenayah;
- ii) Penggunaan teknologi seperti yang berikut:
 - a) Sistem Pengurusan Bandar Selamat (SPBS) yang bertujuan memantau keberkesanan pelaksanaan langkah Program Bandar Selamat (PBS) dalam menangani jenayah jalanan di kawasan PBT; dan
 - b) *Volunteer Smartphone Patrol* (VSP) yang melibatkan penyertaan masyarakat sebagai rakan kolaborasi dalam pencegahan jenayah melalui penyaluran info kepada PDRM khususnya maklumat jenayah

NO SOALAN : 33

yang akhirnya memberikan keyakinan kepada masyarakat dalam mewujudkan rasa selamat dengan penyaluran maklumat tersebut.

- iii) Di samping itu, operasi bersepadu juga dilaksanakan oleh pihak PDRM di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan warga asing yang turut melibatkan kerjasama bersama agensi penguatkuasaan yang lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan di persimpangan jalan dan jalan raya, antara kenderaan polis yang mengiringi seorang VVIP dan sebuah ambulans yang membawa mangsa kemalangan atau pesakit ke hospital, siapa mempunyai hak laluan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 21 Akta Polis 1967 [*Akta 344*] memperuntukkan Pegawai Polis diberi kuasa mengatur, mengawal dan melencongkan mana-mana lalulintas termasuk menjalankan tugas iring kawal keselamatan di jalan-jalan awam dalam menjalankan tugas iring kawal keselamatan. Elemen-elemen Polis Diraja Malaysia (PDRM) diatur gerak mengikut tahap keselamatan yang diperlukan contohnya iring kawal bahan berbahaya, bahan letupan, senjata api, banduan, kenamaan-kenamaan dan lain-lain mengikut garis panduan (SOP) yang ditetapkan.

Dalam memastikan tahap keselamatan berada pada tahap tinggi, petugas iring kawal akan bertindak mengikut peruntukan di bawah Seksyen 21 Akta Polis 1967 [*Akta 344*]. Walaupun demikian, pegawai/ anggota PDRM yang bertugas mengiring VVIP perlu seberapa segera memberi keutamaan dan laluan kepada kenderaan kecemasan seperti Ambulans dan Bomba seperti mana yang ditetapkan Kaedah 9, Kaedah-Kaedah Lalulintas Jalan 1959 [*LN 166/59*].

Ini selari dengan peranan Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku kementerian yang menerajui aspek keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam dalam negara memainkan peranan amat penting untuk menyediakan platform yang selamat dan aman bagi menyokong pembangunan negara berlandaskan nilai ihsan, kesejahteraan, keyakinan dan kemampuan demi memastikan hasrat Agenda Malaysia MADANI dicapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI BIN
MOKHTAR [KEMAMAN]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha berterusan pihak Kementerian dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan terutamanya daripada universiti awam (UA) agar setanding dengan kadar kebolehpasaran graduan TVET.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data rasmi daripada Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), kadar kebolehpasaran graduan TVET KPT (MTUN, Politeknik dan Kolej Komuniti) dan graduan bukan aliran TVET daripada Universiti Awam (UA) mencatat kadar kebolehpasaran yang tinggi dengan trend meningkat dari tahun 2021 hingga tahun 2023.
2. KPT terus komited dalam menyediakan bakat berkemahiran tinggi yang holistik serta mampu mengisi keperluan industri tempatan dan global seiring dengan dinamika ekonomi dan teknologi semasa. Antaranya, KPT telah melancarkan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSKG) 2021 - 2025 pada 16 Oktober 2021 yang menjadi rujukan dan panduan kepada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) untuk menjayakan matlamat kebolehpasaran graduan.
3. Pelan ini dibangunkan secara kolaboratif melalui sesi libat urus yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, pegawai fokal universiti, kementerian dan jabatan, agensi, badan berkanun serta industri yang berkaitan.
4. Selain memberi penekanan kepada elemen pengukuhan kolaborasi dalam bidang pembangunan akademik serta kebolehpasaran graduan yang berimpak tinggi, pemeraksanaan elemen inovasi dan teknologi dalam ekosistem pengajaran dan pembelajaran di IPT turut diberi perhatian khusus.
5. Selain itu, pihak Kementerian sentiasa giat melakukan sesi libat urus dan perkongsian dengan pelbagai pihak khususnya pentadbiran IPT dan wakil-wakil industri bagi mencari jalan dan inisiatif terbaik bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]
TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada isu pampasan dan siasatan bersama dengan Kerajaan Rusia terhadap kejadian tembak jatuh pesawat MH17 telah dibangkitkan semasa pertemuan beliau dengan Presiden Vladimir Putin di Vladivostok.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, isu pampasan dan siasatan bersama dengan Kerajaan Rusia terhadap kejadian tembak jatuh pesawat MH17 tidak dibangkitkan semasa pertemuan YAB Perdana Menteri dengan Presiden Vladimir Putin di Vladivostok.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR]

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DR. HAJAH HALIMAH ALI [KAPAR] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana tahap persediaan Kementerian untuk memastikan sistem pendidikan menyeluruh dapat menampung keperluan kontemporari yang serba rencam seperti kemahiran aplikasi AI yang masih terpelihara sifat kemanusiaan dan pengurusan emosi yang berkesan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia mengorak langkah bagi menentukan hala tuju baharu dalam sistem pendidikan negara agar dapat melahirkan generasi fasih digital sebagai usaha menyediakan modal insan yang berdaya saing pada masa hadapan. Selaras dengan hasrat ini, komitmen untuk melonjakkan potensi dan pencapaian pendidikan digital diperkenalkan melalui Dasar Pendidikan Digital (DPD) yang berfokuskan peningkatan kompetensi murid dan pendidik, pembangunan profesional dan pengintegrasian teknologi digital serta jalinan dan jaringan rakan strategik.

Dasar Pendidikan Digital di dalam Teras 1: Murid Yang Fasih Digital, melalui strategi 1.3: pembudayaan penggunaan teknologi digital secara bersepadu, kreatif, inovatif dan beretika dalam pembelajaran berpusatkan murid dimana penekanan diberikan kepada inisiatif :-

- i. memperkukuh pemahaman murid melalui pendekatan pembelajaran mendalam dimana murid dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran melalui penerokaan dan penyiasatan merentas kurikulum menggunakan teknologi digital secara sendiri serta beretika; dan
- ii. menerapkan dan mengamalkan penggunaan teknologi digital secara beretika dalam kalangan murid dimana murid dihasratkan akan menjadi warga siber yang bertanggungjawab, beretika dan mengamalkan penggunaan Internet secara selamat.

Menyedari hakikat itu, KPM sentiasa memastikan program pembangunan profesionalisme berterusan (PPB) dilaksanakan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran, kepakaran dan amalan nilai profesional seiring dengan keperluan semasa pendidikan. Bagi menyokong program *MyDigital Teacher* yang telah digariskan dalam Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia, usaha membangunkan kompetensi guru dipertingkatkan dengan mengupayakan pendidik dan pemimpin pendidikan untuk mengintegrasikan teknologi digital dalam ekosistem

pendidikan melalui Program Pementapan Pendidikan Digital Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di bawah RMKe-12. Program Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) terus diperkukuh bagi meningkatkan kompetensi penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) oleh warga pendidik bagi memastikan guru berupaya untuk memahami dan mengurus kecerdasan emosi murid dengan baik dalam persekitaran yang dipacu oleh teknologi. Peranan guru sebagai fasilitator dan pemudahcara serta menjadi suri teladan kepada murid-murid.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan sebanyak 16 aplikasi berkaitan AI dalam pelantar DELIMa. Daripada jumlah ini, sebanyak sembilan aplikasi AI seperti Gemini, ChatGPT, Bing AI, dan Conker AI berperanan membantu guru merancang pengajaran, membina soalan, menyediakan kuiz, dan mencipta sumber pendidikan bagi menarik minat murid dalam pembelajaran.

Menerusi program *Gemini AI Academy*, guru-guru dapat meningkatkan kemahiran penggunaan aplikasi Gemini bagi membangunkan rancangan pelajaran yang kreatif dan menghasilkan sumber pendidikan yang menarik berdasarkan AI. Melalui inisiatif *Intel AI for Youth* pula, murid diperkenalkan kepada AI bagi meningkatkan pemahaman dan penggunaan teknologi AI dalam pembelajaran mereka melalui kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek (PBL).

Selain itu, KPM telah menyediakan pelantar *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) yang mengandungi pelbagai perkhidmatan, aplikasi dan kandungan yang ditambah baik secara berterusan sesuai dengan perkembangan teknologi yang terkini serta dapat diakses oleh semua murid secara percuma malahan turut menawarkan pembelajaran yang diperibadikan (*personalised learning*) yang dapat menyesuaikan sumber pembelajaran berdasarkan keperluan, kandungan, tahap dan sistem sokongan dan berkonsepkan ansur maju dan sendiri murid.

KPM juga sedang giat melaksanakan aktiviti bengkel dalam talian dan pertandingan berkaitan penggunaan teknologi digital yang mengintegrasikan AI menerusi Program Pemerkasaan Pendidikan Digital

Murid. Pelbagai aktiviti yang turut melibatkan AI telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 seperti *Imagine Cup Junior*, *Digital Storytelling Animation*, dan *Minecraft Education Challenge*. Bahan dan pemakluman mengenai pertandingan yang dianjurkan boleh diakses melalui DELIMa. Selain itu aplikasi *Read Along* dalam DELIMa dapat membantu murid belajar membaca dengan cara yang interaktif dan menyeronokkan. Sehingga Oktober 2024, seramai 102,380 murid telah mengambil bahagian dan lebih kurang 30 ribu murid telah berjaya menerima sijil Aplikasi Kemahiran Digital (AKD), menunjukkan pencapaian cemerlang program ini dalam membantu mereka menguasai kemahiran teknikal dan mempersiapkan mereka dengan kemahiran Abad ke-21.

KPM juga telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 11 Tahun 2023 Garis Panduan Nilai Etika Penggunaan Media Sosial bagi Guru dan Murid sebagai rujukan pihak sekolah. Surat pekeliling ini menerangkan garis panduan kepada guru dan murid untuk mengelakkan penyalahgunaan media sosial yang membawa kepada pelbagai keburukan. Garis panduan ini dapat memandu murid untuk mempunyai rasa tanggungjawab dan jati diri dari terpengaruh dengan perkara negatif di media sosial dengan penggunaan teknologi terkini.

KPM berharap guru sebagai pemudah cara berupaya untuk mengoptimumkan pengintegrasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran yang lebih bermakna, menyeronokkan dan memberikan impak positif kepada pembelajaran murid dan secara tidak langsung berupaya untuk menyelia dan membimbing murid menjadi pengguna teknologi yang bijak dan terpinin. Kesemua ini merupakan pelan tindakan KPM dalam usaha untuk menyediakan pengetahuan dan kemahiran guru dan murid seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR]

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang diambil Kerajaan untuk mengesan Jho Low dan menantu YB Pagoh dan membawa mereka pulang ke Malaysia untuk membantu siasatan SPRM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih melaksanakan pelbagai usaha melalui menjalinkan kerjasama bersama Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat, pihak berkuasa Singapura dan lain-lain agensi penguat kuasa negara luar yang turut menjalankan siasatan ke atas dana milik Syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bagi mendapatkan apa jua maklumat yang boleh membantu untuk mengesan serta menangkap Low Taek Jho.

Selain daripada itu, Amerika Syarikat (melalui Department of Justice – DOJ) juga telah memfailkan pertuduhan terhadap Low Taek Jho di Mahkamah New York pada tahun 2018 tetapi mereka masih belum berjaya untuk melaksanakan waran tangkap ke atas Low Taek Jho sehingga ke hari ini.

Sehingga kini, usaha menjejaki Jho Low masih giat dijalankan dan segala maklumat diterima mengenai keberadaannya di negara asing telah diteliti kesahihannya menggunakan saluran kerjasama antarabangsa.

Tuan Yang Di-Pertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 23 Ogos 2023 juga telah mengemukakan permohonan kepada PDRM bagi mendapatkan bantuan *Red Notice* daripada pihak Interpol. Walau bagaimanapun, sehingga kini Interpol masih dalam proses penilaian permohonan berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL
TLDM (BERSARA) [LUMUT]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL TLDM (BERSARA) [LUMUT] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula caj cukai jalan bagi kenderaan mengikut harga semasa kenderaan dan bukannya mengikut kapasiti 'cc' kenderaan tersebut kerana ada kenderaan lama yang nilai harganya rendah, manakala cukai jalan pula tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah pada masa ini berkaitan perkiraan kadar fi Lesen Kenderaan Motor (LKM) bukan sahaja ditentukan dengan mengambil kira kapasiti enjin, akan tetapi juga ditentukan dengan pemboleh ubah lain seperti, jenis bahan bakar, jenis/kod badan kenderaan, jenis pemilikan, jenis kegunaan dan mengikut kawasan pengisytiharan kenderaan tersebut akan digunakan.
2. Dalam hal berkenaan bagi kenderaan lama, Kerajaan telah memberikan insentif pengurangan 80% kadar LKM bagi kenderaan lama yang berusia 25 tahun ke atas serta pengurangan 90% kadar LKM bagi kenderaan yang berusia 50 tahun dan ke atas. Pemberian insentif ini adalah tertakluk kepada sesebuah kenderaan yang mendapat status vintaj atau klasik daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
3. Kementerian Pengangkutan (MOT) bersama JPJ secara berterusan melaksanakan kajian semula ke atas kaedah perkiraan sedia ada bagi memastikan ianya sentiasa relevan berdasarkan kepada keperluan dan dasar semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF [RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU
PANJANG] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :**

- (a) status terkini Projek Naik Taraf ICQS di Rantau Panjang; dan
- (b) apakah usaha segera mengatasi masalah kesesakan di Pintu Masuk ICQS di Rantau Panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Status terkini Projek Naik Taraf ICQS di Rantau Panjang.

Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan pintu masuk negara sentiasa dalam keadaan kondusif dan memenuhi kefungsiian aspek keselamatan. Salah satu projek yang diberikan keutamaan oleh Kerajaan melibatkan pintu masuk negara ialah Projek Pembinaan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang, Kelantan yang telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* 1, Rancangan Malaysia Keduabelas (RP1, RMKe-12) Tahun 2021 dengan kos sebanyak RM108,000,000.00.

Dari segi perancangan dan pelaksanaan, projek ini mengambil kira keperluan operasi semasa merangkumi kerja-kerja menaik taraf blok bangunan sedia ada dan pertambahan skop yang melibatkan pembinaan bangunan baharu ICQS Rantau Panjang. Dalam hal ini, wujud keperluan untuk melaksanakan pengambilan balik tanah milik Kerajaan Negeri dan lot-lot tanah milik persendirian. Sesi libat urus dan kerjasama strategik bersama Kerajaan Negeri dan agensi-agensi berkaitan telah berlangsung dan akan diteruskan bagi menyegerakan proses tersebut.

Setelah proses pengambilan balik semua tanah tersebut selesai, permohonan peruntukan bagi tujuan pembinaan ICQS Rantau Panjang, Kelantan akan dikemukakan semula kepada Kementerian Ekonomi di bawah RMKe-13.

(b) Usaha segera mengatasi masalah kesesakan di Pintu Masuk ICQS di Rantau Panjang.

Kompleks ICQS Rantau Panjang merupakan salah satu daripada tiga pintu masuk darat yang bersempadanan dengan Thailand di sebelah Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Secara purata, pintu masuk ini menguruskan keluar masuk pelawat sebanyak 2,400 orang setiap hari.

NO SOALAN : 40

Jumlah ini akan bertambah kepada lebih 4,000 orang pada hujung minggu, musim cuti sekolah dan musim perayaan.

Pengurusan kesesakan dengan kemudahan ICQS sedia ada mencabar berikutan kapasiti yang terhad berbanding jumlah pelawat pada waktu puncak. Ini kerana proses keluar masuk masih menggunakan kaunter manual berikutan keperluan imigresen di pihak Thailand yang menghendaki pelawat mempunyai *cop endorsement* pada pasport sekali gus menghalang pelaksanaan autogate atau kod QR.

Antara inisiatif yang telah dilakukan bagi menangani kesesakan pada masa ini adalah menambah fungsi kaunter khas bagi kegunaan pelawat. Penambahbaikan yang boleh dibuat pada masa akan datang adalah pemanjangan waktu operasi pintu masuk Rantau Panjang – Sungai Golok dan membuat hebahan supaya pelawat merancang perjalanan dan menggunakan pintu masuk ICQS Bukit Bunga – Buketa yang berjarak 34 kilometer dari pintu Rantau Panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDIN BIN WAN JAN
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK WAN SAIFULRUDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tanpa menyentuh urusan mahkamah, apa jaminan bahawa siasatan polis terhadap Yusoff Rawther dibuat secara tidak berat sebelah, bebas dan telus kerana ada dakwaan mengatakan bahawa ia adalah penganiayaan politik yang terkait saman beliau terhadap Perdana Menteri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Individu melibatkan Yusoff Rawther yang ditangkap ekoran hasil pemeriksaan pihak polis yang telah menjumpai sejumlah dadah dalam milikannya. Siasatan yang dijalankan oleh pihak PDRM telah dilaksanakan secara profesional mengikut lunas perundangan dan siasatan telah dilakukan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB 1952).

Kertas siasatan telah dirujuk kepada Pejabat Timbalan Pendakwa Raya Kuala Lumpur untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN]
TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian jumlah kutipan cukai dalam semua sektor yang dikutip dari Sabah tempoh 10 tahun kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil cukai dan hasil bukan cukai. Hasil cukai terdiri daripada cukai langsung dan cukai tidak langsung yang masing-masing dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
2. Cukai langsung merangkumi cukai pendapatan syarikat dan individu, cukai pendapatan petroleum, cukai keuntungan harta tanah dan duti setem. Manakala cukai tidak langsung terdiri daripada duti import, duti eksport, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan, cukai pelancongan, levi keuntungan luar biasa, levi kenderaan barang-barang dan levi pelepasan.
3. Hasil bukan cukai pula dikutip daripada perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan termasuklah kenaaan bayaran kelulusan lesen dan permit, bayaran perkhidmatan, perolehan daripada jualan barangan, sewaan dan faedah dan pulangan pelaburan. Hasil bukan cukai turut merangkumi terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan.
4. Jumlah keseluruhan hasil cukai dan bukan cukai yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun boleh dilihat dalam dokumen Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan. Perincian kutipan adalah dilaporkan mengikut jenis hasil dan cukai, dan bukannya mengikut setiap negeri. Dokumen tersebut boleh disemak dan dimuat turun daripada portal belanjawan tahunan di laman sesawang Kementerian Kewangan.
5. Sungguhpun begitu, pertanyaan Yang Berhormat mengenai jumlah kutipan dari semua sektor di Sabah adalah berkaitan dengan salah satu perkara yang dirujuk dalam saman yang telah difailkan ke mahkamah terhadap Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Sabah.

NO SOALAN : 42

Oleh yang demikian, Kementerian Kewangan tidak dapat mengemukakan maklumat terperinci mengenainya atas dasar *sub judice*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN
[MERBOK]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** minta menyatakan perancangan dalam menyediakan kadar minima elaun kepada pelajar yang menjalani latihan industri (*internship*) sebelum menamatkan pengajian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah memperkenalkan **Dasar Latihan Industri IPT** pada tahun 2010 bertujuan untuk pemantapan dan keseragaman latihan industri sedia ada di IPT. Sepanjang tempoh tersebut sehingga kini, pelbagai perubahan telah berlaku sama ada di sektor industri mahupun sistem pendidikan tinggi negara.

2. Dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan sumber keperluan tenaga kompeten yang dapat memenuhi kehendak majikan dan industri, KPT telah mengambil inisiatif melaksanakan Kajian Impak dan Hala Tuju Dasar Latihan Industri (LI) Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bagi menilai dan menambah baik Dasar LI 2010 sedia ada agar sejajar dengan perkembangan terkini dalam sistem pendidikan tinggi dan juga Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

3. Untuk makluman, kajian tersebut masih dalam peringkat laporan interim dan KPT juga sedang bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) bagi mendapatkan kaedah serta penyelesaian yang komprehensif dan terbaik bagi semua pihak yang terlibat. Pelaksanaan dasar ini nanti diharapkan mampu menangani isu kemudahan, perlindungan dan pembayaran elaun latihan industri kepada pelajar-pelajar.

4. Selain itu, KPT juga terlibat dalam satu usaha kolaboratif iaitu **National Structured Internship Programme (MySIP)** yang diterajui oleh *TalentCorp*, sebuah agensi di bawah KESUMA. Ia merupakan salah satu usaha dalam memberi pengalaman latihan industri berstruktur yang bermakna dan relevan kepada pelajar.

5. Dalam konteks berkaitan, KPT turut berpandangan terdapat keperluan secara holistik bersama kementerian-kementerian yang bertanggungjawab memantau, menyelia dan memberi penekanan kepada pemain-pemain industri ini terutamanya berkaitan isu pemberian elaun latihan industri untuk menjaga aspek kebajikan pelajar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI
HAJI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI HAJI SAMSUDIN [MASJID TANAH] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah perancangan jangka masa pendek dan panjang diambil setakat Oktober 2024 bagi mengatasi kekerapan banjir yang berlaku di dalam Parlimen Masjid Tanah serta berapa anggaran implikasi kewangan yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai langkah mengatasi masalah banjir khususnya di Parlimen Masjid Tanah, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan pendekatan melalui kaedah struktur dan bukan struktur.
2. Sebagai langkah struktur dan penyelesaian jangka pendek untuk mengurangkan risiko banjir, JPS melaksanakan kerja-kerja kecil di bawah Projek Pemuliharaan Sungai untuk Mengurangkan Risiko Banjir. Peruntukan berjumlah RM1.94 juta telah disalurkan di kawasan Parlimen Masjid Tanah pada tahun 2022 untuk pelaksanaan 24 sebutarga dengan skop utama seperti kerja-kerja pengaluran sungai, kerja-kerja menstabilkan tebing sungai dan menaiktaraf saluran serta struktur berkaitan bagi meningkatkan kualiti air sungai. Semua projek tersebut telah siap dilaksanakan. Manakala pada tahun ini, sebanyak 15 sebutarga telah mula dilaksanakan dengan peruntukan RM900 ribu dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Disember 2024.
3. Di bawah pendekatan bukan struktur, Kementerian telah menyiapkan Kajian Pelan Induk Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Baru, Melaka pada Julai 2022. Kajian ini meliputi Sungai Baru, Sungai Tuang, Sungai Gaung Tujuh, Sungai Durian Daun dan Sungai Ayer Hitam. Pelan ini menyediakan perancangan dan penyelesaian banjir secara menyeluruh di Parlimen Masjid Tanah.
4. Kementerian juga sedang melaksanakan Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam (PISMA) Daerah Melaka Tengah, Daerah Alor Gajah & Daerah Jasin, Melaka yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dengan peruntukan berjumlah RM8.4 juta. Kajian ini sedang dalam peringkat perolehan data dan akan ditender pada tahun 2025.
5. Apabila siap kelak, kajian PISMA ini akan dijadikan sebagai panduan dan rujukan bagi merancang pembangunan masa hadapan dengan lebih sistematik dan mapan. Ianya mengambilkira analisa diperlukan untuk

NO SOALAN : 44

mengenalpasti isu-isu dan kelemahan pada sistem saliran sedia ada termasuklah hal berkaitan permasalahan kualiti air dan cadangan penyelesaian bagi menaiktaraf sistem sungai dan saliran dalaman sedia ada. Kajian ini juga mengambilkira unjuran pembangunan tanah dalam cadangan aras pembangunan dan cadangan keperluan membangunkan infrastruktur baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara spesifik prestasi MAHB dalam menguruskan lapangan terbang dan adakah terdapat cadangan untuk menambah lapangan terbang baharu di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara umumnya, prestasi tahunan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dalam menguruskan lapangan terbang boleh dinilai berdasarkan prestasi kemajuan kewangan dan peningkatan trafik penumpang.
2. Dalam hubungan ini, Kumpulan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) memperoleh keuntungan bersih selepas cukai sebanyak RM543.2 juta untuk tahun kewangan 2023, iaitu peningkatan hampir 3 kali ganda berbanding RM187.2 juta yang diperoleh pada tahun 2022, dan lebih tinggi daripada yang dicatatkan pada tahun 2019 pra-pandemik, iaitu sebanyak RM537.0 juta.
3. Selain itu, Kumpulan MAHB juga telah merekodkan jumlah keseluruhan pergerakan penumpang sebanyak 119.5 juta pada tahun 2023 dengan kadar pemulihan 84.6% dibandingkan dengan pergerakan penumpang tahun 2019 pra-pandemik Covid-19, iaitu sebanyak 140.6 juta. Keseluruhan operasi di Malaysia juga telah merekodkan pergerakan penumpang sebanyak 81.9 juta pada tahun 2023, dengan kadar pemulihan 77.8% berbanding tahap pra-pandemik Covid-19. Manakala, operasi MAHB di Lapangan Terbang Antarbangsa Sabiha Gocken, Türkiye pula mencatatkan pergerakan penumpang sebanyak 37.6 juta, melepasi tahap pra-pandemik Covid-19.
4. Peningkatan dari hasil pendapatan dan pergerakan penumpang ini menunjukkan keyakinan penumpang serta komitmen pihak MAHB untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik di seluruh lapangan terbang di bawah pengendalian MAHB.
5. Berhubung cadangan pembangunan lapangan terbang baharu, setakat ini Kementerian Pengangkutan (MOT) tiada cadangan untuk membangunkan lapangan terbang baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewajibkan serta menambah masa pengajian Bahasa Melayu dan bahasa asing (Mandarin dan Tamil) kepada semua pelajar di semua peringkat sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dengan keperluan kurikulum bagi semua mata pelajaran termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras pada peringkat rendah dan menengah serta merupakan mata pelajaran wajib lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia. Pelbagai inisiatif dilaksanakan bagi meningkatkan penguasaan bahasa Melayu murid dengan harapan generasi yang menamatkan alam persekolahan dapat menjadi pengguna yang fasih berbahasa Melayu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil merupakan mata pelajaran teras di sekolah jenis kebangsaan sahaja. Di sekolah kebangsaan, KPM menawarkan Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan dan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan sebagai bahasa tambahan bersama-sama mata pelajaran bahasa etnik dan bahasa antarabangsa. Pelaksanaan mata pelajaran bahasa ini adalah di bawah Dasar Memperkasakan Sekolah Kebangsaan dan bergantung kepada permohonan ibu bapa mengikut prosedur sedia ada.

Mata pelajaran Bahasa Cina, Bahasa Tamil, bahasa etnik dan bahasa antarabangsa ini juga ditawarkan di sekolah menengah sebagai bahasa tambahan dan pelaksanaannya adalah seperti di sekolah rendah.

Sehingga kini, peruntukan waktu bagi pelaksanaan mata pelajaran ini adalah bersesuaian dengan kurikulum dan tahap pembelajaran murid.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian memberikan pengecualian kepada sekolah tertentu dalam mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 2018 yang melarang sumbangan melibatkan hasil aktiviti perjudian, rokok, dadah, minuman keras kerana ia menjejaskan perkembangan potensi murid daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited untuk melindungi murid dan warga sekolah daripada pengaruh negatif khususnya dalam kawasan sekolah, termasuk daripada produk berbahaya seperti tembakau dan alkohol.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2018: Panduan Penyaluran dan Penerimaan Sumbangan daripada Sektor Swasta dan Bukan Swasta kepada Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 29 Mac 2018.

Garis panduan yang dikeluarkan ini menjelaskan tatacara pelibatan sektor swasta dan bukan swasta dalam penyaluran dan penerimaan sumbangan oleh sekolah bawah KPM yang tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan dasar kerajaan Malaysia.

Dalam perkara ini, KPM juga berpegang kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Julai 2024 yang bersetuju untuk mengekalkan garis panduan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN
[PADANG RENGAS]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

KAPTEN AZAHARI BIN HASAN [PADANG RENGAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani peningkatan kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang semakin serius termasuk penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat, pemantauan sempadan yang lebih efektif, serta kerjasama dengan agensi-agensi lain untuk memastikan keselamatan dan pengawalan isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sangat komited dalam mengawal kemasukan warga asing di pintu masuk utama Negara, JIM telah melaksanakan tindakan kawalan di pintu-pintu masuk dan juga tindakan pengoperasian di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan warga asing.

Tindakan kawalan di pintu masuk adalah seperti berikut:

1. Mengadakan pemeriksaan rambang ke atas pengembara yang berada di Terminal Satelit KLIA untuk tempoh melebihi dari enam (6) jam dengan tujuan melengah-lengahkan kemasukan mereka. Tindakan Notis Penolakan Masuk (NPM) akan dikenakan bagi pengembara yang mencurigakan, tiada bukti keberadaan mereka bagi tujuan transit dan tidak memenuhi syarat kemasukan. Bagi tempoh 1 Januari sehingga 15 November 2024, seramai 29,572 pelawat asing telah dikenakan NPM dan ditolak kemasukan serta dihantar pulang ke negara asal. Tindakan pemeriksaan ini dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan pelawat yang tiba adalah pelawat tulen;
2. Pemeriksaan secara rambang kepada pengembara juga dibuat di kawasan pengambilan bagasi (selepas kaunter pemeriksaan imigresen balai ketibaan) bagi memastikan cap atau endosmen yang diberikan oleh pegawai kepada pengembara berkenaan dibuat dengan wajar. Tindakan ini adalah sebagai semak dan imbang kepada pemeriksaan imigresen yang telah dibuat dan juga memastikan hanya pengembara yang telah diberikan endosmen yang sah sahaja boleh masuk ke negara ini;
3. Perolehan Sistem Saringan Awal Penumpang (Advance Passenger Screening System - APS). Sistem ini membolehkan pengembara disaring lebih awal oleh bilik kawalan dan hanya pengembara tulen yang tidak mempunyai rekod jenayah / senarai syak sahaja akan dibenarkan terbang masuk ke

Malaysia. Sistem ini akan mengurangkan risiko di pintu masuk kerana pengembara telah disaring lebih awal;

4. Mewajibkan pengisian Malaysia Digital Arrival Card (MDAC) kepada semua pelawat bagi memudahkan pengesanan warga asing dan juga memastikan pelawat mempunyai tiket keluar semasa pemeriksaan imigresen untuk mengelakkan mereka tinggal lebih masa;

Selain itu, operasi penguatkuasaan secara berterusan dilaksanakan terutamanya di 224 lokasi hotspot untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta passport 1966 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Sepanjang tahun 2024 iaitu sehingga 21 November 2024, JIM telah melaksanakan sebanyak 18,163 operasi penguatkuasaan dengan tangkapan seramai 41,906 orang PATI.

Kementerian akan meneruskan kerjasama strategik bersama agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membanteras pendatang asing tanpa izin di dalam negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS
[MERSING]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan strategi Kementerian bagi memastikan kesinambungan pelan pengurusan risiko bencana termasuk penyelarasan projek bencana di kawasan sempadan dengan negara-negara jiran termasuk negara Thailand seperti kerja-kerja pendalaman dan pelebaran sungai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) amat peka terhadap isu bencana di kawasan sempadan, khususnya di Sungai Golok yang merupakan titik persempadanan antara Malaysia dan Thailand.
2. Bagi memastikan kesinambungan pelan pengurusan risiko bencana serta kestabilan sempadan antarabangsa, Kementerian melalui JPS sedang melaksanakan projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok secara tiga (3) fasa.
3. Apabila siap kelak, projek ini akan memberi manfaat kepada lebih 35,000 orang penduduk di sekitar bandar Tumpat, Pasir Mas, Tanah Merah dan Jeli serta seluas 287 km persegi akan dapat dilindungi dari risiko bencana banjir.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan :**

- (a) berapa bilangan kelas dan pelajar terlibat bagi aliran Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) dan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) sehingga tahun 2024; dan
- (b) berapa tambahan kelas aliran PIMA dan PVMA diwujudkan melalui bajet pendidikan tahun 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memberikan akses pendidikan TVET yang berkualiti di seluruh institusi pendidikan TVET KPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga tahun 2024, sebanyak 350 buah kelas di 347 buah sekolah menengah kebangsaan (SMK) telah melaksanakan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) dengan menawarkan 12 kursus kemahiran. Enrolmen murid PVMA menunjukkan peningkatan dari tahun 2022 hingga 2024 iaitu seramai 9,236 orang pada tahun 2022, seramai 9,350 orang pada tahun 2023 dan seramai 9,888 orang pada tahun 2024.

Pada masa kini, kelas PVMA sedia ada masih mampu menampung permintaan murid bagi tahun 2025. Walaubagaimanapun, KPM telah merancang untuk memperluaskan lagi penawaran PVMA di SMK dengan menaik taraf mata pelajaran vokasional (MPV) sedia ada kepada PVMA secara berperingkat. Peruntukkan ubahsuai naik taraf (USNT) dan peralatan telah dimohon dalam Rancangan Malaysia Ke 13, Rolling Plan 1 (RMKe-13, RP1) bagi penambahan sebanyak 23 buah kelas di 23 buah SMK mulai tahun 2026.

Sementara itu, terdapat sebanyak 13 buah kelas di 13 buah SMK melaksanakan program Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) dengan menawarkan 11 bidang kemahiran. Enrolmen murid PIMA pada tahun 2022 ialah seramai 122 orang, pada tahun 2023 ialah seramai 196 orang dan pada tahun 2024, seramai 136 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM masih mengekalkan 13 buah kelas program PIMA bagi tahun 2025. Namun, KPM sedang dalam proses menambah baik kerangka pelaksanaan program PIMA dari aspek pensijilan dengan mengguna pakai mod Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). Pelaksanaan PIMA adalah berfokus kepada pembelajaran berasaskan tempat kerja (work-based learning) di mana murid dijadikan

NO SOALAN : 50

perantis kepada industri mengikut lokaliti murid dan melaksanakan pembelajaran akademik di sekolah.

Sekian, terima kasih.